ڤتيقن تيته
PETIKAN TITAH

"APAPUN jua, secara umumnya dapatlah disimpulkan, bahawa negara memerlukan tenaga kerja yang berkemahiran dan mempunyai nilai tambah. Dan ini hanya boleh dicapai dengan memiliki sistem pendidikan yang sentiasa menyediakan dasar dan kurikulum pendidikan yang relevan kepada pasaran pekerjaan dan keperluan negara, terutamanya di peringkat pendidikan tinggi dan vokasional."
- Titah Sempena Menyambut Perayaan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-20 Tahun Masihi 2004.

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Pelita BRUNEI ڤليتا بروني

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسڽ ايمان
MANISNYA IMAN

"DEMI masa, sesungguhnya manusia itu benar-benar dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan soleh dan saling berpesan untuk mengikut yang hak serta saling berpesan-pesan untuk bersabar."
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Asr, ayat 1 - 3.

Waktu Sembahyang

| IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 4.57 | 5.07 | 6.24 | 6.46 | 12.29 | 3.36 | 6.313 | 7.40 |

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 63 / BILANGAN 35 | 21 MAC 2018 / 1439 رجب 3 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA

# Kebawah DYMM utus tahniah kepada Presiden Persekutuan Rusia





**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 19 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Vladimir Putin berkaitan dengan kemenangannya dalam pilihan raya presiden baru-baru ini.

Di dalam titah perutusan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menyampaikan ucapan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Vladimir Putin di atas kemenangannya itu dan berharap semoga TYT akan terus mencapai kejayaan dalam penggal baharunya dan seterusnya memperkukuhkan lagi hubungan yang amat bernilai serta perhubungan dalam pelbagai bidang yang mempunyai kepentingan bersama baik di peringkat dua hala mahupun antarabangsa.

Bagi mengakhiri ucapan tahniah tersebut, baginda menyampaikan salam muhibah kepada TYT Vladimir Putin.

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Vladimir Putin berkaitan dengan kemenangannya dalam pilihan raya presiden baru-baru ini.**

# BND5.3 bilion diluluskan bagi Tahun Kewangan 2018/2019




Laporan :
Hezlinawati Haji Abdul Karim

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 20 Mac. – Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-14 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) berakhir hari ini dengan sidang sebulat suara meluluskan peruntukan belanjawan negara sejumlah lima ribu 300 juta ringgit atau 5.3 bilion ringgit bagi Tahun Kewangan 2018/2019 yang akan berkuatkuasa pada 1 April 2018.

Persidangan juga telah menyelesaikan dan meluluskan suatu Akta iaitu yang bergelar Akta Pebekalan 2018/2019 dan akan mula kuat kuasanya pada 1 April 2018. Persidangan ini juga telah meluluskan dua buah ketetapan-ketetapan iaitu Ketetapan Pertama adalah Ketetapan Di Bawah Fasal 83 (7) Dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959 yang telah dicadangkan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong untuk mencadangkan "Majlis ini membuat ketetapan menurut Fasal (7) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959, bahawa tiap-tiap Perintah yang dibuat di bawah Fasal 3 perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Nombor 1 Tahun 2018 adalah masing-masing mulai dari tarikh Perintah itu diluluskan".

Ke muka 4

IKUTI KAMI DI

APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam

infodept.bn

infodept_bn




Muka 3

BERKENAN kurniakan hadiah juara Kejohanan Golf Persatuan Golf Profesional Wanita 2018



Muka 11

MAJLIS Kesyukuran raikan Hari Hutan Antarabangsa

# Ikuti tatacara SOPs bagi memberikan rawatan

**Bismillahir Rahmanir Rahim**
**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

**ALHAMDULILLAH**, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan rahmat, izin dan limpah kurnia-Nya jua kita dapat bersama-sama hadir di majlis yang penuh bermakna ini iaitu Majlis Konvokesyen Penyampaian Sijil Kursus Pembantu Jururawat (Kejururawatan Am Kohort 3 & Perbidanan Kohort 2) Sesi Mei 2015 - Mei 2017 seramai 23 orang dan Sijil Kursus Pembantu Jururawat (Kejururawatan Am & Perbidanan), (Skim Biasiswa Pendidikan Teknikal Vokasional (BPTV) - MOH) Di Bawah Dana Sumber Manusia, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Kohort 1, Sesi Oktober 2015 - Oktober 2017 seramai 39 orang.

Terlebih dahulu, saya dengan hati yang jujur serta ikhlas ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada graduan yang telah berjaya menamatkan Kursus Sijil Pembantu Jururawat (Kejururawatan Am dan Perbidanan) ini. Mudah-mudahan para graduan semua akan terus bergiat maju demi memperkembangkan dan memperluaskan lagi pengetahuan dan kemahiran dengan menggemblengkan usaha dan tenaga bagi kerjaya kejururawatan yang diceburi ini.

Saya telah difahamkan, para graduan yang akan menerima sijil mereka pada pagi ini telah pun menamatkan kursus mereka selama dua tahun. Sepanjang tempoh berkursus berkenaan, para graduan telah diperkenalkan dengan pelbagai teori dan latihan amali termasuk ciri-ciri khusus serta tanggungjawab sebagai pembantu jururawat / perbidanan, *standard of professional practice* dan juga kod etika kejururawatan dan perbidanan, tatacara penjagaan dan perawatan pesakit, latihan-latihan amali di sepanjang penempatan klinikal di hospital-hospital dan pusat-pusat kesihatan. Semua ini adalah mempersiapkan diri dari segi mental, fizikal dan juga kerohanian untuk memegang profesion sebagai pembantu jururawat. Di samping itu juga, para graduan telah menghadapi pelbagai cabaran termasuk trend kehidupan, teknologi dan juga ekspektasi tinggi yang menjadikan jati diri lebih berkeyakinan, bersemangat kental dan berusaha dengan berdaya saing secara positif.

Kepada para graduan yang akan menerima sijil mereka pada pagi ini, saya sarankan supaya akan terus bergiat maju untuk meningkatkan usaha menuju kecemerlangan diri khususnya dan berkhidmat dengan jujur dan penuh keikhlasan. Bersikap lebih peka pada meningkatkan kualiti perawatan dan penjagaan pesakit, berpandangan jauh ke depan serta merebut peluang-peluang peningkatan kapasiti. Menanai konsep Melayu Islam Beraja dalam diri dan juga perkhidmatan, membudayakan diri dengan perawatan selamat lagi bersistematik mengikut landasan etika kerja dan kejururawatan. Memupuk budaya hormat-menghormati, taat, rukun dan kerjasama ke arah mendukung visi dan misi Kementerian Kesihatan. Letakkan niat yang baik di samping fikiran yang analitikal sebelum memulakan pekerjaan agar setiap tugasan yang dirancang dan bakal dilaksanakan mendapat penghasilan yang lebih produktif, mantap serta efektif.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar semasa berucap pada Majlis Konvokesyen dan Penyampaian Sijil Ke-4 Bagi Kursus Sijil Pembantu Jururawat (Kejururawatan Am Kohort 3 & Perbidanan Kohort 2) Sesi Mei 2015 - Mei 2017 dan Kursus Sijil Pembantu Jururawat (Kejururawatan Am dan Perbidanan) (BPTV - MOH) Di Bawah Dana Sumber Manusia, JPKE Kohort 1 Sesi Oktober 2015 - Oktober 2017 pada Sabtu, 15 Jamadilakhir 1439 Hijrah bersamaan 3 Mac 2018 Masihi di Dewan Al-'Afiah Kementerian Kesihatan.

Dalam merancang perkembangan kapasiti dan kemahiran kejururawatan, Kementerian Kesihatan amat menitikberatkan keperluan dari segi perkembangan tenaga manusia khasnya dalam meningkatkan ilmu pengetahuan para jururawat dan bidan di Negara Brunei Darussalam. Ini termasuklah memberi peluang kepada jururawat dan bidan untuk mengikuti Skim Latihan Dalam Perkhidmatan penuh dan cuti belajar di dalam dan luar negara bagi kursus-kursus jangka pendek dan panjang seperti penempatan klinikal, Diploma, Diploma Lanjutan, Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana.

Oleh yang demikian, para graduan adalah digalakkan untuk menggunakan masa dengan sebaiknya bagi merancang pelaburan ke arah meraih ilmu pengetahuan melalui kursus-kursus ditawarkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Seperkara lagi yang ingin saya sentuh ialah mengenai dengan *human relation* dan cara berkomunikasi berkesan, di mana perkara ini sering terlepas pandang atau terabai. Komunikasi yang berkesan, adalah amat mustahak bagi memastikan penjagaan dan perawatan yang terbaik diberikan kepada pesakit atau pelanggan. Dari itu, garis pandu bagi memastikan komunikasi berkesan dalam kalangan kakitangan kesihatan termasuk jururawat dan bidan semasa menjalankan tugas seharusnya diberi perhatian secara tegas. Ini bagi mengelakkan kejadian-kejadian yang tidak diingini berlaku. Dengan yang demikian, saya berharap agar garis pandu bagi tujuan tersebut juga akan sentiasa diteliti mengikut keperluan semasa.

Walaupun Kementerian Kesihatan tidak terkecuali daripada terkena impak perkembangan teknologi siber yang drastik. di mana informasi perawatan boleh diperoleh melalui alat ICT yang canggih seperti komputer atau iPad, tapi perlu diingatkan kepada para graduan supaya akan patuh dengan garis panduan penggunaan *information technology* (IT) semasa menjalankan tugas di bahagian masing-masing dan setentunya melaksana tugas mengikut tatacara Standard Operating Procedure (SOPs) bagi memberikan rawatan yang bermutu tinggi dengan mengambil berat juga menjaga kerahsiaan diri pesakit / pelanggan.

**Ke muka 11**

## Dari Sidang Pengarang.

21 MAC 2018 BERSAMAAN 1439 رجب 3

### GENERASI BERPENDIDIKAN SUMBER BERNILAI NEGARA

**KERAJAAN** Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan terus menjadikan bidang pendidikan sebagai agenda utama dalam melahirkan lebih ramai generasi muda berpendidikan tinggi, selaras dengan matlamat Wawasan Negara 2035.

Perkara ini juga adalah sejajar dengan kepentingan ilmu pengetahuan, terutama dalam usaha kerajaan menjayakan wawasan tersebut, kerana generasi muda yang berpendidikan tinggi adalah 'sumber asli' negara yang tiada ternilai. Kerana rakyat berilmu dan berkemahiran akan mampu untuk memacu ekonomi dan kemakmuran negara, titah baginda di Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam kepada lebih 300 orang yang terdiri daripada penuntut-penuntut dan pegawai-pegawai kerajaan yang berlangsung di sebuah hotel di Sydney, Australia.

Kemajuan dan kemakmuran negara amat penting, agar kesejahteraan generasi kita yang akan datang terjamin, justeru bidang pendidikan merupakan perkara penting yang terus diberi perhatian oleh kerajaan baginda. Begitu juga pembangunan modal insan yang holistik memerlukan kerjasama yang erat daripada semua pihak dan kerajaan, agar dengan demikian ianya akan dapat membangunkan dan menghasilkan modal insan yang berilmu pengetahuan, berinovatif dan berkemahiran tinggi untuk menjadikan negara berdaya saing pada era globalisasi.

Jadi tidak heranlah bidang pendidikan merupakan agenda utama negara yang mahu mewujudkan rakyat yang berpengetahuan, berkemahiran tinggi dan berpendidikan serta mempunyai kehidupan yang berkualiti tinggi sekali gus membantu menyumbang ekonomi yang mapan kepada negara.

Bagi merealisasikan harapan tinggi itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia tidak kendur-kendur melaksanakan peranannya dalam menyuntik semangat generasi muda agar mempunyai pendidikan menyeluruh yang meliputi segenap aspek duniawi dan ukhrawi sekali gus akan melahirkan generasi muda untuk lebih berani menyahut cabaran dan berani tampil menyumbangkan buah fikiran dan usaha membangunkan negara.

Apa yang penting di sini, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia, para pelajar kita ketika ini perlu merebut setiap peluang yang disediakan oleh kerajaan, bukan sahaja di dalam bidang pengajian tinggi, bahkan untuk meningkatkan lagi nilai dan jati diri pelajar, serta terus menunjukkan komitmen dan kesetiaan mereka terhadap tanah air dengan cara menabur bakti kepada negara setelah selesai menamatkan pengajian. Di samping terus menanamkan semangat patriotism, mempunyai pegangan kuat dengan budaya dan identiti sendiri serta kerana ianya adalah aset dan 'harga' diri sendiri.

Perkara tersebut adalah bersesuaian dengan Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 (SPN21) yang memainkan peranan penting dalam menyumbang pembangunan dan melestari ketamadunan bangsa dan negara dengan mengambil kira kepentingan aspek mental dan fizikal serta aspek rohani dan spiritual.

SPN21 merupakan sistem pendidikan bersifat holistik di mana sistem ini telah dapat melestarikan ketamadunan Islam Negara Zikir dan mengemukakan pendidikan melalui teladan serta memiliki sifat murabbi dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Di samping itu juga, SPN21 telah memberi banyak kesan dalam menangani permasalahan globalisasi, yang antaranya memberi impak kepada pemikiran dan pembentukan akhlak individu pelajar Islam di Negara Brunei Darussalam.

Dengan, yang demikian, sistem tersebut adalah salah satu anjakan paradigma bagi membolehkan Negara Brunei sebagai sebuah Negara Melayu Islam Beraja dan juga Negara Zikir untuk mencapai Wawasan 2035. Perubahan besar yang dilaksanakan melalui sistem ini pada tahun 2008, telah banyak menuntut perubahan yang besar dalam struktur dan sistem pendidikan negara, sebagai persiapan dalam menangani perkembangan arus globalisasi masa kini. - **Ketua Penyuntingan (Zs).**

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | RABU | KHAMIS | JUMAAT |
|---|---|---|---|
| BANDAR SERI BEGAWAN | 32 25 °C | 31 24 °C | 32 25 °C |
| PEKAN BANGAR | 31 24 °C | 31 24 °C | 31 24 °C |
| PEKAN TUTONG | 32 25 °C | 31 25 °C | 31 25 °C |
| KUALA BELAIT | 32 25 °C | 31 24 °C | 32 25 °C |

Wallahualam Bissawab
Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam
www.met.gov.bn
Talian Cuaca 114
Brunei WX App

## WAKTU SEMBAHYANG

*firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:*
*"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."*

| Masihi MAC | HARI | Hijrah REJAB | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 21 | RABU | 3 | 4.57 | 5.07 | 6.24 | 6.46 | 12.29 | 3.36 | 6.31 | 7.40 |
| 22 | KHAMIS | 4 | 4.57 | 5.07 | 6.24 | 6.46 | 12.28 | 3.35 | 6.31 | 7.40 |
| 23 | JUMAAT | 5 | 4.56 | 5.06 | 6.23 | 6.46 | 12.28 | 3.34 | 6.31 | 7.40 |
| 24 | SABTU | 6 | 4.56 | 5.06 | 6.23 | 6.45 | 12.28 | 3.33 | 6.30 | 7.39 |
| 25 | AHAD | 7 | 4.55 | 5.05 | 6.22 | 6.45 | 12.27 | 3.33 | 6.30 | 7.39 |
| 26 | ISNIN | 8 | 4.55 | 5.05 | 6.22 | 6.44 | 12.27 | 3.32 | 6.30 | 7.39 |
| 27 | SELASA | 9 | 4.54 | 5.04 | 6.22 | 6.44 | 12.27 | 3.31 | 6.30 | 7.39 |

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## TALIAN KECEMASAN

| AMBULANS | POLIS | BOMBA | PENYELAMAT | (Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam | NDMC |
|---|---|---|---|---|---|
| 991 | 993 | 995 | 998 | 123 | 2380214 |

# Berkenan kurniakan hadiah juara Kejohanan Golf Persatuan Golf Profesional Wanita 2018






YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat ke Majlis Penutupan Rasmi Kejohanan Golf Persatuan Golf Profesional Wanita 2018 (kiri). Sementara gambar atas, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah berkenan bergambar bersama juara Kejohanan Golf Persatuan Golf Profesional Wanita 2018, iaitu Ran Hong.

**Berita dan Foto : Ihsan Media Permata**

**JERUDONG**, Isnin, 19 Mac - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat ke Majlis Penutupan Rasmi Kejohanan Golf Persatuan Golf Profesional Wanita 2018 di The Empire Hotel & Country Club, Jerudong.

Menjunjung keberangkatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong; Menteri Kewangan II, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Turut berangkat ke majlis tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar.

Muncul juara dalam kejohanan tersebut adalah pendahulu ketiga-tiga pusingan LPGA iaitu Ran Hong yang berjaya mencatatkan 18 pukulan di bawah par sekali gus menjuarai keseluruhan meninggalkan beberapa rakan senegaranya yang rata-rata menguasai 10 tangga teratas kejohanan itu.

Sementara itu, majlis dibuka dengan sembah alu-aluan yang disampaikan oleh Presiden Persatuan Golf Brunei Darussalam, Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha bin Pengiran Metassan diikuti dengan penganugerahan hadiah yang turut disertai perwakilan penganjuran.

Penganugerahan hadiah dimulakan dengan penyarungan jaket kemenangan sebelum piala kejohanan yang disempurnakan oleh Yang Teramat Mulia, diikuti oleh Pengarah Persatuan Golf Profesional China, Li Hong yang menyampaikan sejambak bunga kemenangan serta Pengarah Eksekutif Persatuan Golf Profesional Korea, Kyung Ja Kim yang menyampaikan cek berjumlah 140,000,000 won Korea.

Pada pusingan pertama, Ran Hong berjaya meraih 7 pukulan di bawah par, namun merosot pada hari kedua apabila hanya berhasil mencatatkan 4 pukulan di bawah par meskipun masih menguasai kejohanan.

Pada hari terakhir, beliau sekali lagi unggul apabila mula mencapai kejuaraan pada lubang ke-10 untuk muncul johan.

Kejohanan Golf kali ini berjaya menarik 59 pemain profesional dari Korea, 40 dari China dan turut menampilkan tiga pemain Brunei Darussalam yang terdiri daripada Dayangku Siti Nurmashizriah binti Pengiran Nikman, Pajaree Anannarukarm dan Velerie Tan.



YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah berkenan mengurniakan Piala Kejuaraan Kejohanan Golf Persatuan Golf Profesional Wanita 2018 kepada Ran Hong.



YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah berkenan bergambar pada Majlis Penutupan Rasmi Kejohanan Golf Persatuan Golf Profesional Wanita 2018 di The Empire Hotel & Country Club, Jerudong.

# Pembangunan inovasi dan strategik terus diperkasa




Laporan : Marlinawaty Hussin
Foto : Hamzah Mohidin, Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 20 Mac. - Pembangunan inovasi yang terancang dan strategik adalah penting untuk terus diperkasakan selain mengekalkan usaha melipatgandakan dan mempelbagaikan ekonomi negara ke arah pembangunan pelbagai sektor.

Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib berkata, dalam menghadapi iklim ekonomi yang secara beransur-ansur, ada peningkatannya kita haruslah bersyukur dan bersifat positif, kerana masih dapat menikmati faedah dan keistimewaan yang telah dikurniakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam secara percuma.

"Walau macam manapun, janganlah dulu kita merasa *complacent* ataupun selesa dengan peningkatan kemudahan ini.

Dengan pendekatan yang sering disebut oleh kita semua dalam dewan ini *whole of nation approach* dan konsep *give and take* dalam menimbulkan perkara-perkara yang berkepentingan bersama, telah menunjukkan sendiri kewibawaan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat untuk sama-sama membangun membawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan memastikan kemakmuran rakyat dan penduduk negara ini diambil berat," jelas Yang Berhormat ketika menyampaikan ucapan penangguhan pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-14 MMN di Dewan Majlis, di sini.

Pada masa yang sama, Yang Berhormat seterusnya menekankan, perlunya kita memupuk dan mengamalkan nilai-nilai teras konsep Melayu Islam Beraja dalam memartabatkan budaya tradisional yang telah diamalkan bertahun-tahun.

"Begitu juga dengan pelbagai penglibatan belia kita adalah sangat signifikan dalam sama-sama kita membangun dan memperkasa ekonomi Negara Brunei Darussalam ini," katanya lagi.

Tegasnya, belia perlu dilentur dan dilatih mentaliti mereka untuk menjadi pemimpin berwibawa, kerana mereka adalah pelapis yang akan menyambung legasi dibawa pada hari ini dalam persaingan dunia, supaya akan terus mengharumkan dan memakmurkan lagi nama Negara Brunei Darussalam.



YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib ketika menyampaikan ucapan penangguhan pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-14 MMN di Dewan Majlis.

# BND5.3 bilion diluluskan bagi Tahun Kewangan 2018/2019

Laporan : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Hamzah Mohidin, Muhammad Asri Haji Awang Abas



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Dari muka 1

Sebanyak 34 Perintah-Perintah telah dikurniakan perkenan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kebanyakannya ataupun kesemua undang-undang yang disenaraikan dalam Kertas Nombor 1 Tahun 2018 telah pun diluluskan secara Emergency Orders dan sudahpun berjalan dan digunapakai pada Tahun 2017 yang lalu dan sebahagian lagi telah mula berjalan pada tahun ini 2018.

Manakala Ketetapan Kedua ialah di bawah Bab 4 ceraian (2) dari Akta Kumpulan Wang Kemajuan (Penggal 136) dicadangkan oleh Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, supaya "Majlis ini dengan ini membuat ketetapan seperti yang dikehendaki oleh bab 4(2) dari Akta Kumpulan Wang Kemajuan (Penggal 136) bahawa perbelanjaan sejumlah BND900,000,000.00 (Sembilan ratus juta ringgit) untuk dibenarkan, diperuntukkan dan dipohonkan dari Kumpulan Wang Kemajuan untuk maksud-maksud tersebut di bawah ini dan disebutkan dalam Anggaran Belanjawan Kemajuan 2018/2019, dibentangkan sebagai Kertas Bilangan 2 Tahun 2018."

Kedua-dua buah ketetapan ini telah diluluskan dengan sebulat suara dengan tidak perlu dibahaskan.

Persidangan Majlis Mesyuarat Negara juga diakhiri dengan Ucapan-Ucapan Penangguhan yang telah dicadangkan oleh Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim; disertai dengan seramai 18 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik dan seramai 5 orang Ahli Yang Berhormat Rasmi Kerana Jawatan ikut serta di dalam Sesi Ucapan-Ucapan Penangguhan ini.

Sementara itu, di dalam Ucapan Penangguhan Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib menyentuh mengenai keadaan iklim ekonomi Negara Brunei Darussalam iaitu pada masa ini secara gradual ada peningkatannya; dan kita haruslah bersyukur dan positif kerana kita masih dapat menikmati faedah-faedah dan keistimewaan - keistimewaan yang telah diberikan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia secara percuma. Walau bagaimana pun janganlah dulu merasa *complacent* atau selesa dengan peningkatan kemudahan ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua juga telah juga menyatakan tentang kepentingan untuk kita terus memperkasa pembangunan inovasi yang terancang dan strategik serta mengekalkan usaha-usaha melipat gandakan dan mempelbagaikan ekonomi negara ini ke arah pembangunan pelbagai sektor seperti di bidang pertanian, agrimakanan serta industri pelancongan yang boleh menjana ekonomi Negara Brunei Darussalam dalam mengubah landskap negara daripada bergantung sepenuhnya kepada hasil minyak dan gas dengan penglibatan semua *stakeholders*.

Dan pada masa yang sama, ujar Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kita perlu memupuk dan mengamalkan nilai-nilai teras konsep Melayu Islam Beraja dalam memartabatkan budaya tradisional yang telah diamalkan bertahun-tahun dahulu.

Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan mengikut Peruntukan 35 (i) dari Peraturan Majlis Mesyuarat Negara, dan akan bersidang semula pada satu masa yang belum ditetapkan tarikhnya.



AHLI-AHLI Yang Berhormat mengangkat tangan semasa menyokong usul yang dicadangkan.

# Sumbangan dan fikiran Ahli-Ahli MMN membantu negara

Laporan : Noraisah Muhammed
Foto : Hamzah Mohidin, Muhammad Asri Haji Awang Abas



PENASIHAT Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 20 Mac. - Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim menekankan bahawa peranan yang dimainkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-14 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) adalah sesuai dengan harapan yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, supaya Majlis akan dapat bersidang dengan ahli-ahli semua dapat mengemukakan buah fikiran serta seterusnya mencadangkan perkara-perkara yang dapat membawa perubahan-perubahan besar kepada negara.

Kenyataan tersebut diucapkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Pada Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-14 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Bangunan Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis di sini, ketika mengusulkan Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-14 MMN ditangguhkan.

Yang Berhormat dalam pada itu melahirkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, atas kebijaksanaan dan kesabaran dalam memimpin dan memandu permesyuaratan dengan kemas dalam suasana yang harmoni, transparent dan muhibah.

"Ucapan terima kasih juga kaola tujukan kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis, yang cekap setiap hari menyusun perkara-perkara yang dimesyuaratkan dan juga kepada seluruh pegawai dan kakitangan yang bekerja keras bagi menjayakan dan buat

Yang Berhormat kerana telah menyokong dan meluluskan pembentangan Belanjawan Bagi Tahun Kewangan 2018/2019 yang membawa tema, "Perbelanjaan Produktif dan Berinovasi Bagi Memelihara Kemakmuran Negara," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat turut menghargai peranan seramai 13 orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan sekitar 40 isu berkaitan dengan Jabatan Perdana Menteri yang telah menyumbangkan buah fikiran yang ikhlas daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang semenangnya sangat-sangat diperlukan bagi membantu kerajaan amnya dan Jabatan Perdana Menteri khususnya, untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan.

# Hubungan rapat perlu untuk lestarikan projek kerajaan

Laporan : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Hamzah Mohidin, Muhammad Asri Haji Awang Abas



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 20 Mac. - Hubungan rapat antara Ahli-Ahli Yang Berhormat, Penghulu-Penghulu, Ketua-Ketua Kampung sangat-sangat bernilai dan sangat - sangat dikehendaki untuk melestarikan kesinambungan perancangan-perancangan dan projek-projek kerajaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud menjelaskan perkara tersebut semasa menyampaikan ucapan penangguhannya pada Musim Pemesyuaratan Ke-14 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis, di sini.

Terdahulu, Yang Berhormat Menteri juga menyarankan semua Ahli Yang Berhormat, agar apa-apa jua permasalahan yang dibangkitkan, diajukan dan dikemukakan oleh masyarakat perlulah sama-sama mencari jalan penyelesaian dan menjelaskannya kepada mereka yang mengajukan, dengan cara memberikan mereka cara atau jalan keluar dari permasalahan tersebut, dengan menghubungi pihak-pihak yang berkenaan dengan permasalahan yang ditimbulkan atau dihadapkan.

"Membawa anak-anak buah berbincang - bincang, bermesyuarat, memberikan bimbingan, membarigakan penerangan-penerangan, bahkan membuat penyiasatan ke atas anak-anak kampung seperti sama ada bantuan-bantuan kerajaan telah dapat sampai dan digunakan.

Bukan setakat itu sahaja, malahan kerjasama dan sumbangan bakti Ahli-Ahli Yang Berhormat, Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung dalam menggalakkan bahkan menyedarkan kepada kewajipan anak-anak buah, terutama yang berkeupayaan tenaga dan *material* untuk digunakan secara optimum," tambah Yang Berhormat.

Tambah Yang Berhormat, ini termasuklah seperti penyampaian bantuan daripada JAPEM, agihan zakat dari MUIB, dari Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, dari kementerian - kementerian berkenaan dan lain-lain lagi.

# BND900 juta peruntukan bagi 182 projek

Laporan : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Hamzah Mohidin, Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 20 Mac. - Pengagihan peruntukan di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) pada Tahun Kewangan 2018/2019 antara lain mengambil kira komitmen projek-projek yang telah siap tetapi masih ada tanggungan dan projek dalam pelaksanaan serta keupayaan kementerian - kementerian dalam melaksanakan projek-projek yang dirancang.

Demikian dinyatakan oleh Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah semasa menyampaikan ucapan pendahuluan mengenai peruntukan wang kemajuan bagi tahun 2018/2019.

Anggaran Perbelanjaan Kemajuan bagi RKN Tahun Kewangan 2018/2019, jelas Yang Berhormat adalah dicadangkan keseluruhannya sebanyak BND900 juta di mana peruntukan yang disediakan adalah untuk membiayai sebanyak 182 projek iaitu 151 projek baharu dan 31 projek yang ditunda dari RKN10 iaitu projek-projek siap disediakan peruntukan sebanyak BND64 juta (7.1 peratus); projek dalam pelaksanaan disediakan peruntukan sebanyak BND713.9 juta (79.3 peratus); manakala projek-projek dalam peringkat tawaran; peringkat rekabentuk; dan yang masih dalam perancangan, disediakan peruntukan sebanyak BND122.08 juta (13.6 peratus).

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, sehingga 15 Mac 2018, perbelanjaan sebenar RKN bagi tahun kewangan 2017/2018 adalah berjumlah BND792.65 juta iaitu 79.2peratus dari peruntukan asal BND1 billion yang telah disediakan, menjadikan jumlah perbelanjaan RKN10 adalah sebanyak BND6,209.27 juta.

Dalam pada itu, jelas Yang Berhormat lagi pihak Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri akan terus membuat pemantauan rapi bagi memastikan projek-projek RKN dilaksanakan mengikut jadual dan peruntukan yang diluluskan dengan mengambil beberapa langkah.

Antara langkah-langkah tersebut ujar Yang Berhormat ialah menggunakan RKN Project Management System (RKNPMS) yang digunakan secara maksima dan dikemaskini oleh agensi pengguna dan pelaksana; mengadakan lawatan berjadual dan atau *surprise visits* ke tapak-tapak projek bagi memastikan progres fizikal menepati jadual yang ditetapkan; dan memastikan cadangan perbelanjaan bagi setiap projek termasuk skop dan spesifikasi kerja diteliti secara terperinci bagi mengelakkan daripada pembaziran dan kerugian dalam perbelanjaan Kerajaan.

Yang Berhormat juga menyatakan langkah yang diambil termasuklah memberikan penekanan kepada Value for Money dan konsep guna-sama manakala perancangan perbelanjaan perlulah berdasarkan standard rates bagi kos binaan untuk bangunan atau projek-projek Kerajaan supaya projek-projek tidak *over-specified* dan berlebihan fungsi dari keperluan sebenar.

Terdahulu Yang Berhormat mengongsikan pencapaian projek di bawah RKN10 di mana 568 buah projek yang diluluskan iaitu sebanyak 454 buah projek (79.9 peratus) telah siap dilaksanakan; 43 buah projek (7.6 peratus) dalam peringkat pelaksanaan; 37 buah projek (6.5 peratus) dalam peringkat tawaran; dan 34 buah projek (6.0 peratus) dalam peringkat reka bentuk dan perancangan.

Pemilihan projek-projek di bawah RKN dan penetapan peruntukan jelas Yang Berhormat adalah terlebih dahulu dihadapkan oleh Kementerian - Kementerian kepada Peneraju-Peneraju Strategi Wawasan, untuk memastikan projek-projek benar-benar relevan dalam mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035 serta dapat mendokong Tema Belanjawan Tahun Kewangan 2018/2019 iaitu 'Perbelanjaan Produktif dan Berinovasi bagi Memelihara Kemakmuran Negara'.



MENTERI Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

# Peruntukan RKN 11 merangkumi pembangunan infrastruktur dan penyelidikan



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong.

**Laporan : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 19 Mac.- Peruntukan di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) 11 pada umumnya adalah termasuk untuk pembangunan infrastruktur asas bagi ladang-ladang seperti jalan-jalan ladang, parit-parit, bekalan air, termasuk projek pencegahan banjir, bekalan elektrik dan lain-lain.

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong menjelaskan perkara itu bagi menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Haji Sabli bin Haji Arshad mengenai kegunaan bajet yang diberikan RKN11 menerangkan bahawa peruntukan di bawah Kemajuan atau RKN sama ada peruntukan yang disediakan untuk tahun 2018/2019 atau harga rancangan sepanjang tempoh RKN 11.

Selain dari itu, jelas Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, khusus bagi sektor tanaman sayur-sayuran ianya juga digunakan untuk menyediakan keperluan-keperluan Makmal Sains Tanah dan Nutrient Tanaman, antaranya Kalibrasi mesin; Pre-assessment dan Assessment; Ujian Proficiency, Audit dan Penilaian; Penilaian oleh Badan Akreditasi ISO/IEC 17025 Accreditation; Tambahan Ujian Analisa dan Program Competent Laboratory & Competency Training.

Keperluan lain juga seperti program mendapatkan Pengiktirafan ISO 17025 Makmal-Makmal Perlindungan Tanaman Mendokong Pasaran Eksport. Antaranya adalah untuk memperbaiki dan menarik taraf infrastruktur bangunan bagi Makmal Musuh Tanaman dan Makmal Penyakit Tanaman; pembelian peralatan makmal bagi kerja-kerja diagnostik dan pengenalpastian musuh perosak dan penyakit tanaman, dan juga kerja-kerja penyelidikan musuh perosak dan penyakit tanaman sayur dan pembelian bahan-bahan kimia makmal bagi kerja-kerja diagnostik dan pengenalpastian, serta bagi penyelidikan tanaman sayur-sayuran.

Di samping itu juga program Persediaan Untuk Mendapatkan Pengiktirafan ISO 17025 Makmal-Makmal Analisa Hasil Segar Dalam Memenuhi Kriteria Pasaran Eksport Industri Tanaman, antaranya termasuk penyediaan fasiliti Makmal Mikrobiologi di Blok Pentadbiran Bahagian Industri Agrimakanan, Sinaut; Khidmat pakar perunding dalam pemeriksaan awal bagi menepati keperluan Skim Akreditasi Makmal ISO 17025; Perbelanjaan *inter-laboratories proficiency testing*; serta perbelanjaan pengiktirafan makmal Akreditasi ISO 17025 termasuk bayaran penyertaan dan pengauditian.

Mengenai sektor ternakan pula, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan seterusnya menerangkan, harga rancangan yang diperuntukan sebanyak BND27 juta.

Projek-projek yang katanya, akan dikendalikan termasuk melaksanakan Program Pusat Penyelidikan, Pengenalan dan Rujukan Bagi Penyakit Ternakan Di Brunei Agriculture Research Centre (BARC), Kilanas iaitu termasuk bagi meningkatkan keupayaan pusat yang ada sekarang di dalam memberikan perkhidmatan yang lebih berkesan dalam membantu para pengusaha ternakan supaya lebih kompetitif seperti penyediaan struktur dan pelan kompleks, penyediaan infrastruktur asas, dan pembinaan bangunan Pusat Penyelidikan, Penganalisaan dan Rujukan dan peralatan-peralatan yang diperlukan.

Selain itu, jelas Yang Berhormat lagi melaksanakan Program Pengisytiharan Status Bebas Penyakit ke Arah Memudahcara Eksport bagi Industri Ternakan iaitu termasuk meningkatkan keupayaan ke arah berperanan menjadi competent authority dalam memberikan khidmat pakar dan nasihat ke arah memudahcara eksport seperti projek pelaksanaan Active Surveillance, projek pengesanan Salmonella, projek pemeriksaan saringan inovatif ubat-ubatan veterinary, program peningkatan ujian-ujian makmal dukungan, dan projek peningkatan kaedah pemeriksaan molecular.

# Keluaran peladang belum memenuhi keperluan dalam negara

**Laporan : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 19 Mac.- Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) akan terus giat meningkatkan keluaran sektor pertanian, ternakan dan perikanan terlebih dahulu, kerana keluaran peladang dan petani kita ketika ini adalah terlalu rendah berbanding potensi keluaran sebenar.

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong berkata, kebanyakan keluaran peladang kita malah masih belum mampu memenuhi keperluan dalam negara, apatah lagi untuk keperluan pembuatan atau pemprosesan.

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, menjelaskan perkara itu ketika menjawab soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Haji Sabli bin Haji Arshad pada hari ke-11 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-14 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan seterusnya berkata, walau bagaimanapun, dengan pertambahan pesat keluaran sumber-sumber utama nanti, jika menjadi kenyataan, kita mempunyai beberapa strategi iaitu pertama, untuk mengeksport keluaran berkenaan keluar negara, dan yang kedua ialah dengan menggalakkan aktiviti pemprosesan barangan tersebut.

"Ini tertakluklah kepada sambutan pihak pelabur dari dalam dan luar negara sama ada membuat keputusan mengeksport atau memproses dalam negara," jelasnya.

Seperti yang dimaklumi, kata Yang Berhormat syarikat-syarikat yang terlibat dalam aktiviti pemprosesan sudah ada di Negara Brunei Darussalam seperti BMC Food Industries Sdn Bhd, Ideal Multifeed Farm (Brunei) Sdn Bhd, Kingston Beverage & Creamery Sdn. Bhd., Western Foods and Packaging Sdn Bhd, Saahtain Asia Sdn Bhd (Brunei) dan Sabli Food Industries (B) Sdn Bhd sendiri.

Syarikat-syarikat itu tambahnya, boleh mengembangkan perniagaan mereka dengan mengunakan bahan mentah dari dalam negara atau mengimport dari luar tertakluk kepada penilaian masing-masing.

# Imej perhentian bas akan diperbaiki

**Laporan : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Dk. Nurhafilah Pg. Osman**



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 19 Mac. - Kementerian Perhubungan dan juga pihak-pihak yang berkenaan sedang bekerjasama untuk meneliti semula dan memperbaiki imej perhentian bas dengan mengenakan ataupun memasang papan-papan maklumat, jadual-jadual bas dan sebagainya.

Dari segi jangka masa panjang, di bawah projek besar Sistem Pengangkutan Darat, beberapa komponen penting juga akan dilaksanakan, iaitu dari segi infrastruktur ataupun penambahbaikan bas-bas terminal dan perhentian bas dan juga penambahbaikan perkhidmatan *quality of services, reliability of scheduling* dari segi kehadiran ataupun *schedule of busses* dan yang penting sekali *the upgrade of the busses* sendiri.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof semasa menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-14 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menyentuh mengenai sekiranya Kementerian Perhubungan akan mengadakan sebarang peraturan, mengenai kenderaan-kenderaan berat yang berjalan pada waktu tertentu ataupun *peak hours*, Yang Berhormat Menteri Perhubungan menjawab bahawa cadangan tersebut memang pernah dibincangkan beberapa kali di peringkat kementerian dan juga di peringkat Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya - MKKJR, iaitu beberapa penelitian telah pun dibuat.

Pada tahun 2014 ataupun 2015 beberapa tahun yang lalu, Kementerian Perhubungan, ujar Yang Berhormat ada mengeluarkan satu Pelan Induk Pengangkutan Darat ataupun LTMP dan ia masih lagi diguna pakai sebagai dasar tujuan dan garis panduan dari segi pelaksanaannya.

"Dalam hal ini ada empat strategi utama dan salah satu strateginya ialah 'keep traffic moving' seperti mana yang ditanyakan oleh Yang Berhormat tadi ia usaha ke arah mengurangkan kesesakan lalu lintas dan kementerian ini mengambil perhatian dan memang diakui 'on the ground' yang berlaku pada masa ini memang masih lagi dijumpai beberapa kenderaan berat yang berjalan pada waktu 'peak hours' dan beberapa kali pernah juga dicubakan untuk berunding dan bermesyuwarah dengan syarikat-syarikat yang berkenaan dan juga pelaksanaan penguatkuasaannya supaya mereka ini faham akan bagaimana waktu-waktu yang tertentu untuk berjalan," terang Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun ujar Yang Berhormat, usaha bekenaan perlu perhatian dan pembaikan lagi. Beberapa pemikiran untuk mengadakan peruntukan-peruntukan dari segi peraturan dan perundangannya nanti supaya ia akan dapat dilaksanakan secara berkonsultasi dan berunding dengan pihak-pihak trucks yang berkenaan ataupun 'commercial trucks' yang berkenaan juga dari segi kaedah membukakan peluang untuk jika sekiranya ada alternatif atau ruang-ruang baharu lagi untuk diteliti supaya adakah jalan ataupun kemudahan-kemudahan secara alternatif boleh difikirkan nanti.

# Sistem Pengangkutan Awam, projek besar Kementerian Perhubungan

Laporan : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 19 Mac. - Sejumlah BND54,880,500.00 telah diperuntukkan bagi Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Perbelanjaan Tahun Kewangan 2018 / 2019.

Projek Sistem Pengangkutan Awam yang dijangka akan memakan belanja sebanyak $15 Juta Ringgit Brunei merupakan antara projek besar di bawah perbelanjaan kemajuan bagi tahun 2018 / 2019.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof semasa menyampaikan mukadimahnya bagi Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-14 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Projek ini jelas Yang Berhormat, selaras dengan strategi Pelan Induk Pengangkutan Darat yang antara lainnya, adalah untuk memastikan mengurangkan kebergantungan kepada kenderaan persendirian dan mengukuhkan lagi urus tadbir sektor pengangkutan awam.

"Peruntukan kewangan ini adalah amanah dan tanggungjawab yang diberikan kepada Kementerian Perhubungan bagi pembangunan dan kemajuan sektor perhubungan dan pengangkutan," ujarnya.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan seterusnya mengongsikan beberapa inisiatif utama Kementerian Perhubungan yang telah dilaksanakan; perkembangan dan perancangan serta hala tuju bagi Tahun Kewangan 2018 / 2019.

Sepanjang Tahun Kewangan 2017 / 2018 jelasnya, Kementerian Perhubungan telah melaksanakan beberapa inisiatif dalam memperkemaskan dasar, urustadbir dan proses yang dijalankan.

Pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini telah dapat menyumbang kepada penjimatan peruntukan, memudah cara orang ramai dan perniagaan serta meningkatkan tahap produktiviti. Ini adalah seperti yang ditekankan di dalam Pelan Strategik Kementerian Perhubungan 2008 - 2017.

Sehubungan ini, tambah Yang Berhormat, Kementerian Perhubungan akan memastikan adanya kesinambungan dasar dalam perancangan bagi tahun yang akan datang ini. Pada masa yang sama, beberapa kajian semula akan dijalankan bagi memantapkan pelaksanaan dasar dan tujuan-tujuan.

Kementerian Perhubungan juga akan terus mengenal pasti perkhidmatan yang lebih *cost-effective* untuk diberikan oleh sektor swasta yang sekali gus akan dapat mengurangkan beban perbelanjaan di pihak kerajaan.

Menteri Perhubungan berkata, antara dasar yang dimaksudkan adalah pengkorporatan dan penswastaan; mengkomersialkan perkhidmatan yang sebelum ini dijalankan oleh jabatan-jabatan di bawah Kementerian Perhubungan dan memudahcara urusan orang ramai dan penglibatan sektor swasta.

Bagi dasar penswastaan dan pengkorporatan tambahnya, satu perkembangan utama dalam sektor pengangkutan adalah penswastaan terminal kontena Pelabuhan Muara pada 21 Februari 2017 tahun lepas, dan pengkorporatan Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan dan Jabatan Laut menjadi Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan (PBMP) bermula pada 28 September 2017.

"Penubuhan PBMP ini dan penswastaan terminal kontena berkenaan telah membawa perubahan positif pada tahap kualiti perkhidmatan di Pelabuhan Muara pada tahun 2017 berbanding tahun 2016. Perubahan ini digambarkan antaranya :

"Pertama, peningkatan sebanyak 37 peratus kepada produktiviti pengendalian kontena dari kapal dan kedua pengurangan sebanyak 48 peratus ke atas masa pengangkutan kontena keluar masuk dari kawasan terminal atau digelar (Haulier Turnaround Time), iaitu dari 60 minit pada tahun 2016 kepada hanya 30.8 minit pada tahun 2017," terang Yang Berhormat Menteri.

Dengan peningkatan kualiti perkhidmatan di atas, ia diharap akan dapat menarik lebih banyak lagi aktiviti perkapalan di negara ini, ujar Menteri Perhubungan.

Selain itu jelas Yang Berhormat, penswastaan terminal kontena ini telah membukakan peluang pekerjaan dalam bidang perkapalan kepada anak-anak tempatan. Sejak mengambil alih pengendalian terminal kontena Muara, Syarikat



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof.

Muara Port Company Sdn. Bhd. (MPC), kini mempunyai 163 orang tenaga kerja, yang 87 peratus daripadanya, iaitu 141 orang, adalah terdiri daripada anak-anak tempatan.

Seterusnya, dengan penswastaan terminal kontena Muara ini, ia dapat mengurangkan kos pembiayaan yang perlu diperuntukkan oleh kerajaan untuk tujuan pemeliharaan dan operasi di terminal kontena Muara, iaitu sebanyak $8.6 Juta Ringgit Brunei setahun.

## Tapak-tapak menara masih dalam fasa pembangunan

Laporan : Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 19 Mac. - Ada beberapa buah tapak, iaitu dalam 20 buah tapak dirancang oleh pihak penyedia bagi Kampung Merangking jelas Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-14 MMN hari ke-11 sesi petang yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis, di sini.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

Ini bagi menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput mengenai pembangunan Menara di Luar Bandar dan bilakah menara-menara yang baharu didirikan di kawasan Kampung Merangking, Mukim Bukit Sawat dan di Kawasan Mukim Labi akan mula beroperasi.

Tapak-tapak yang dirancang bagi Kampung Merangking tersebut adalah masih dalam fasa pembangunan.

Menara telekomunikasi, iaitu menara telefon bimbit untuk liputan ataupun *coverage mobile communication services* disasarkan untuk dibuat ataupun didirikan pada akhir bulan Ogos 2018 bagi Kampung Merangking.

## Akta Lalu Lintas Jalan Raya bagi semua

Laporan : Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 19 Mac. - Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof menegaskan bahawa warga-warga asing di negara ini memang tidak terlepas daripada Akta / Peraturan Lalulintas Jalan Raya di negara ini.

Jika ia kesalahan yang boleh dikompaun, iaitu denda kompaun akan dikenakan mengikut kadar yang ditetapkan bagi kesalahan berkenaan.

Bagi kesalahan-kesalahan yang berulang-ulang atau *repeat offences*, kompaun yang lebih tinggi akan dikenakan dan jika lebih daripada lima (5) kali, maka pemandu yang bersalah boleh dibawa ke mahkamah untuk dikenakan denda dan saman atau penjara mengikut peruntukan yang ada.

Dalam hal ini jua, tegas Yang Berhormat lagi, ada sistem demerit, iaitu mata demerit akan dikenakan ke atas pemandu yang didapati bersalah dan jika mata yang dikumpulkan telah sampai mata maksimum, iaitu 24 mata, maka lesen memandu pemandu yang bersalah itu akan digantung.

Tindakan lain juga akan diambil tegas Yang Berhormat, iaitu seperti pemandu akan disuruh untuk diuji semula terutama bagi kesalahan yang berkaitan dengan pemandu seperti berpusing bukan di tempat yang dibenarkan. JPD juga, tambah Yang Berhormat tidak akan teragak-agak untuk menggantung lesen memandu pemandu yang bersalah bagi kesalahan-kesalahan yang boleh mendatangkan bahaya khasnya.

Tindakan juga akan diambil ke atas pemilik syarikat, ini terang Yang Berhormat jika ia bekerja di sebuah syarikat dan syarikat itu juga akan digantung lesen kebenaran yang diberikan oleh Lembaga Melesen Pengangkutan Bermotor (MTLA).

Berikut antara jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat bagi menjawab persoalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari berhubung dengan tindakan *significant* yang bakal diambil atas kesalahan jalan raya yang dilakukan oleh orang asing, sama ada yang tinggal, bekerja atau sebagainya di negara ini pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-14 MMN hari ke-11 sesi petang yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis, di sini.

# Kementerian Perhubungan perkemas Pelan Strategik 2018-2019

Laporan : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman,
Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 19 Mac. - Untuk memastikan kesinambungan pada pelaksanaan dasar-dasar utama di bawah Pelan Strategik 2008 - 2017, Kementerian Perhubungan kini sedang memperkemaskan Pelan Strategik 2018 - 2023.

Dalam terus mengorak langkah menuju Wawasan 2035, Kementerian Perhubungan terus melaksanakan dasar dan tujuannya dengan berteraskan kepada pendekatan 'Whole of Nation'.

Keperluan tersebut termasuk membuat penyusunan semula struktur industri, mengemaskini perundangan dan peraturan serta memantapkan lagi pelaksanaan peruntukan-peruntukan di bawah bidang kuasa Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof menyatakan demikian semasa menyampaikan mukadimahnya bagi Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-14 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat Menteri menjelaskan, beberapa keutamaan dan tumpuan telah dikenalpasti sebagai hala tuju Kementerian Perhubungan.

Pertama jelasnya, memperkemaskan dasar dan tujuan yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan-perkhidmatan kepada orang ramai. Ini termasuk usaha merapatkan jurang digital khususnya di kawasan luar bandar dan pedalaman; dasar ke atas peningkatan pengangkutan awam; dan terkini yang diberi keutamaan adalah sasaran bagi Pengkorporatan Jabatan Perkhidmatan Pos. Cadangan pengkopratan Jabatan ini adalah disasarkan bagi menyahut cabaran-cabaran dan peluang-peluang yang ada di era Ekonomi Digital pada masa ini.

Yang kedua, memperkemaskan pelaksanaan dasar yang menyumbang kepada keselamatan dan kesejahteraan rakyat. Beberapa bidang telah dikenal pasti untuk diutamakan di bawah hala tuju ini, seperti keselamatan di jalan raya, pengangkutan air dan udara yang memerlukan perhatian serius dan komitmen padu daripada pihak kerajaan, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan serta masyarakat, secara amnya.

Bagi mendukung keutamaan itu, antara contoh yang dikongsikan oleh Yang Berhormat ialah mengenai usaha Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) yang terus mengorak langkah dalam menekankan kepentingan isu keselamatan jalan raya dengan adanya sokongan padu secara kerjasama dan kolaborasi daripada pelbagai pihak yang berkepentingan.

MKKJR tambahnya, juga giat mengadakan kerjasama dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam menanai negara zikir melalui penglibatan anak-anak sekolah dalam acara dan aktiviti keagamaan secara berterusan sepanjang tahun.

Turut terkandung di bawah dasar itu adalah bidang ICT, khususnya dalam menggalakkan penggunaan teknologi ICT secara positif dan berkesan. Ini adalah mengambil kira jua kepelbagaian jenis isu kandungan (content) yang bersumber dari pelbagai wadah ICT.

Selain itu, dasar ke arah keselamatan dan kesejahteraan ini juga merangkumi penyebaran maklumat kaji cuaca yang cepat dan tepat bagi keperluan orang ramai secara umumnya.

Ketiga, ujar Yang Berhormat, memantapkan penguatkuasaan dan pelaksanaan Akta serta peraturan jabatan dan agensi bagi memastikan keselamatan dan kepentingan pengguna adalah terpelihara. Antara usaha berterusan adalah penekanan ke atas peranan PBMP dalam menguatkuasakan dan mempromosikan pemakaian jaket keselamatan dalam kalangan pengguna-pengguna di perairan-perairan Brunei.

Keempat, ialah memantapkan lagi usaha kearah peningkatan sumbangan sektor perhubungan dan pengangkutan pada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Menurut Yang Berhormat, pada tahun 2016, sumbangan sektor pengangkutan adalah sebanyak 1.88 peratus dan sektor perhubungan menyumbang sebanyak 1.69 peratus pada keseluruhan KDNK negara.

Bagi sektor perhubungan, sasaran kementerian ini tambahnya adalah meningkatkan sumbangannya pada 3 peratus dan sektor pengangkutan pada 5 peratus menjelang tahun 2035. Sehubungan itu, usaha akan dipertingkatkan melalui aktiviti penjanaan hasil, memudahcara perkhidmatan baharu dan mengkaji semula peluang perniagaan yang ada.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, tumpuan kelima, memantapkan pemantauan keatas pelaksanaan semua inisiatif dengan menggunakan kaedah Penunjuk Prestasi Utama (KPIs). Bagi memastikan inisiatif yang dirancang adalah menjurus pada pencapaian matlamat Wawasan 2035, kementerian sedang memantapkan lagi kaedah Data Analytics bagi memperkesankan lagi penyediaan dasar dan pelaksanaannya.

Tumpuan keenam, menggiatkan usaha untuk meningkatkan hasil kerajaan. Antara usaha kementerian ini adalah dengan menubuhkan Taskforce Tunggakan Hasil dan Pembayaran pada bulan Disember 2017 dan sebuah Unit Kawalan Credit pada bulan Januari 2018. Alhamdulillah setakat ini, usaha ini telah menunjukkan perkembangan di mana sejumlah hampir $5.7 Juta Ringgit Brunei hasil yang tertunggak telah berjaya dikutip.

Manakala yang ketujuh, usaha ke arah mengurangkan perbelanjaan. Dalam pengurusan peruntukan yang terkawal, langkah ke arah mengurangkan perbelanjaan akan terus dipertingkatkan. Antaranya adalah dari segi penjimatan penggunaan tenaga elektrik. Sebagai contoh, Jabatan Penerbangan Awam telah dapat membuat penjimatan hampir BND284,000.00 (Dua Ratus Lapan Puluh Empat Ribu Ringgit Brunei) bagi sepanjang tahun 2017.

Yang terakhir, ujar Yang Berhormat ialah memudah cara perniagaan dan perhubungan industri dengan mengukuhkan kerjasama dengan pihak-pihak yang berkepentingan.

Kementerian tersebut secara berterusan mengadakan sesi-sesi bermesyuarah bersama berbagai pihak berkepentingan, khususnya di peringkat akar umbi bagi memastikan apa jua penyediaan dan pelaksanaan dasar-dasar awam atau *public policies* kementerian ini adalah dibuat dengan lebih terperinci dan teratur.

# Stesen Pemeriksaan Kenderaan akan dilaratkan

Laporan :
Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 19 Mac. - Perkhidmatan pemeriksaan kenderaan yang sebelum ini dijalankan oleh Jabatan Pengangkutan Darat, kini juga dapat diberikan oleh yarikat-syarikat swasta yang berperanan sebagai Stesen Pemeriksaan Kenderaan atau (Vehicle Inspection Stations) di Daerah Brunei dan Muara.

Kementerian Perhubungan, melalui Jabatan Pengangkutan Darat sedang mengusahakan bagi Stesen Pemeriksaan Kenderaan untuk dilaratkan ke daerah-daerah lain.

Langkah berkenaan bukan sahaja memberikan kemudahan dan pilihan kepada orang ramai, malah ia telah dapat menjimatkan perbelanjaan kerajaan sebanyak BND850,000.00 (Lapan Ratus Lima Puluh Ribu Ringgit Brunei) setahun dan pada waktu yang sama membuka peluang penyertaan swasta dalam memberikan kemudahan pilihan perkhidmatan kepada orang ramai.

Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof menyatakan demikian semasa menyampaikan mukadimahnya bagi Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-14 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis, di sini.

Semasa mengongsikan mengenai inisiatif utama Kementerian Perhubungan yang telah dilaksanakan; perkembangan dan perancangan serta hala tuju bagi Tahun Kewangan 2018 / 2019, Yang Berhormat turut menjelaskan, prosedur di jabatan-jabatan juga diperbaiki dengan tujuan memudah cara penglibatan sektor swasta.

Sebagai contoh, ialah pengisian ruang-ruang yang boleh disewakan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei sejak terminalnya dimodenkan pada tahun 2014. Kadar pengisian ruang-ruang yang boleh disewakan telah menunjukkan peningkatan yang konsisten dari setahun ke setahun.

Setakat ini menurut Yang Berhormat, dianggarkan hampir 80 peratus daripada ruang yang boleh disewakan telah diisi oleh penyewa yang terdiri daripada syarikat-syarikat tempatan dan luar negara.

Inisiatif tersebut jelasnya, telah meningkatkan kemudahan dan keselesaan pengunjung serta penumpang di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei di mana syarikat-syarikat runcit (retail) dan tempat-tempat makan yang beroperasi telah mengambil seramai 342 pekerja yang mana 73 peratus adalah terdiri dari anak-anak tempatan.

Dalam sektor ICT pula tambah Yang Berhormat, melalui kawalseliaan Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi (AITI), kadar liputan dan penggunaan perkhidmatan telefon bimbit menunjukkan satu perkembangan positif dengan adanya usaha berterusan dari syarikat-syarikat penyedia perkhidmatan, iaitu DST Communications dan Progresif Cellular.

"Terdapat peningkatan dalam infrastruktur menara telekomunikasi, di mana dalam perkembangan terkini, usaha berterusan ini telah dapat memberikan kadar liputan perkhidmatan telefon bimbit kepada 341 buah kampung, daripada sejumlah 432 buah kampung ataupun hampir 80 peratus dari semua kampung-kampung di seluruh negara."

"Ini termasuklah penyediaan liputan bagi keperluan para pengguna di kawasan sekitar Lebuhraya Lumut - Telisai, dengan adanya menara yang sudah mula beroperasi baru-baru ini," jelas Yang Berhormat.

Dalam pada itu, Kementerian Perhubungan dan AITI menyedari masih ada ruang yang perlu diperbaiki, khususnya di mana ada masih beberapa buah kampung lagi yang mempunyai masalah liputan perkhidmatan telefon bimbit.

Kerjasama dan perundingan bersama pihak-pihak yang berkenaan tambah Yang Berhormat, akan digiatkan bagi memastikan liputan perkhidmatan telefon bimbit dapat diperoleh untuk kegunaan penduduk di kampung-kampung berkenaan.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, dalam bidang pembangunan kapasiti ICT, pihak AITI juga telah menjalankan, program Celik ICT yang mendapat sambutan yang baik, termasuk dalam kalangan Majlis Perundingan Kampung, khususnya bagi mendukung inisiatif 1 Kampung 1 Produk (1K1P).

Program itu, ujar Yang Berhormat, melibatkan peserta seramai 85 orang daripada 50 Majlis Perundingan Kampung di seluruh negara dan AITI akan meningkatkan lagi pemberigaan program ini secara berterusan bagi menarik lebih banyak penglibatan daripada orang ramai yang berminat.

# Pelbagai pilihan latihan kemahiran keusahawanan bagi belia



Laporan : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 19 Mac.- Unit Latihan Kemahiran dan Keusahawanan merupakan unit pembangunan keusahawanan belia di bawah pengurusan Pusat Pembangunan Belia (PPB) yang berperanan memberikan perkhidmatan yang sama seperti yang ditawarkan oleh Program Pembangunan Keusahawanan di Pusat Belia Bandar Seri Begawan dengan sasaran yang khusus kepada pelatih termasuklah bekas pelatih PPB.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menjelaskan perkara itu ketika menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-14 Majlis Mesyuarat Negara yang bersidang bagi hari ke-11.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan berkata, peranan belia dalam pertumbuhan dan kepelbagaian ekonomi negara adalah penting dan amat digalakkan sepertimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34 di mana baginda antara lain bertitah menegaskan bahawa para belia perlu mengambil peluang untuk meningkatkan keupayaan diri masing-masing melalui program-program yang ditawarkan didalam atau luar negeri.

Peranan utama unit itu katanya, ialah memberikan perkhidmatan yang sama seperti yang ditawarkan oleh Program Pembangunan Keusahawanan di Pusat Belia Bandar Seri Begawan dengan sasaran yang khusus kepada pelatih termasuklah bekas pelatih PPB.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan seterusnya menambah, antara program yang dilaksanakan oleh unit itu ialah Pendidikan Asas Keusahawanan; Minggu Keusahawanan; Perancangan Kewangan; Konsultasi Perniagaan; Program Belia Berdikari; Program Keusahawanan Belia; dan Ekspo-Ekspo Jualan.

Manakala Program Pembangunan Keusahawanan di bawah Pusat Belia, Jabatan Belia dan Sukan yang mula dilaksanakan pada Tahun 2011 juga mempunyai peranan untuk menyumbang kepada penghasilan belia-belia pengusaha yang berpengetahuan inovatif dan produktif. Program ini dibukakan kepada para belia-belia untuk mengikuti secara sukarela.

Tambahnya, antara aktiviti yang ditawarkan oleh program ini adalah seperti Youth Business Talk yang dilaksanakan dua atau sekali setahun dan lazimnya dijalankan selama tiga hari.

Selain itu, program Business Zero To One ialah program ini berupa bengkel keusahawanan singkat yang ditawarkan sebulan sekali seperti tatacara pemasaran dan penjenamaan produk.

"Alhamdulillah aktiviti-aktiviti yang ditawarkan mendapat sambutan yang sangat baik daripada kalangan belia-belia.

Setakat ini, seramai lebih seribu peserta terdiri daripada golongan belia telah menyertai aktiviti-aktiviti yang diselenggarakan. Dan maklum balas daripada para peserta belia terhadap program-program yang ditawarkan adalah sangat positif," ujarnya lagi.

Secara dasarnya, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan seterusnya menerangkan, kedua-dua inisiatif ada mempunyai persamaan yang memberikan kepelbagaian pilihan kepada belia-belia untuk mendapatkan latihan kemahiran dan pengetahuan dalam perekonomian yang dapat diaplikasikan di mana-mana bidang keusahawanan.

"Memandangkan kumpulan sasaran berbeza dan mengambil kira Program Pembangunan Keusahawanan di bawah Pusat Belia mendapat sambutan yang sangat baik, kita berpendapat bahawa buat pada masa ini struktur yang sedia ada untuk dikekalkan. Walau bagaimanapun, kita akan secara berterusan meneliti dari masa ke masa mengenai kesesuaian tersebut," jelas Yang Berhormat lagi.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

# Lebih banyak takat tiruan di pesisiran pantai dibina

Laporan : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 19 Mac.- Jabatan Perikanan memang mempunyai inisiatif untuk membina lebih banyak takat-takat tiruan di pesisiran pantai.

Kawasan-kawasan takat tiruan itu berfungsi sebagai kawasan perlindungan dan pembiakan anak-anak ikan, dan pada masa yang sama ia akan dapat meningkatkan produktiviti kawasan menangkap ikan bagi menambah pendapatan para nelayan.

Perkara demikian dinyatakan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong bagi menjawab soalan yang dikemukakan dari Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

Pada hari ke-11 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-14 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan seterusnya berkata salah satu cara bagi penambahan takat di negara ini adalah melalui kerjasama di antara Jabatan Perikanan dengan Brunei Shell Petroleum (BSP), iaitu dengan menggunakan bekas pelantar minyak yang tidak digunakan lagi untuk disumbangkan dan dijadikan takat tiruan, menurut perundangan yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Perhubungan bagi memastikan proses *deployment* adalah teratur.

"Aktiviti ini adalah diharap akan dapat dilaksanakan secara berterusan bagi meningkatkan sumber perikanan di negara ini. Walau bagaimanapun, disebabkan hasil penangkapan ikan dilaut terlalu bergantung kepada cuaca dan juga sumber yang menurun, maka Jabatan Perikanan menggalakkan lebih banyak aktiviti akuakultur yang berkeupayaan mengeluarkan penghasilan di sepanjang tahun," ujarnya.

Bagi Daerah Belait, tambahnya, terdapat beberapa kawasan yang telah dikenal pasti kesesuaiannya yang akan dibukakan untuk pengusaha atau nelayan sedia ada di Daerah Belait yang berminat seperti di Kuala Balai seluas 23 hektar.

"Kita juga mempunyai pengusaha menternak dan penetasan Udang Galah yang aktif di Kampung Rempayoh, Dearah Belait," katanya lagi.

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan seterusnya menambah, statistik yang menunjukkan penurunan hasil tangkapan antara lain disebabkan oleh keadaan cuaca yang tidak menentu dan juga bilangan nelayan yang berkurangan.

Sementara itu, statistik yang diperoleh dari Pusat Penyelarasan Maritim Kebangsaan, Jabatan Perdana Menteri menunjukkan peningkatan pencerobohan di pelantar-pelantar minyak sejak 2015 iaitu 32 kejadian sehingga 87 kejadian dicatatkan pada tahun lalu.

"Penguatkuasaannya telah dilaksanakan secara bersepadu daripada Polis Marin sebagai agensi penyelaras (*leading agency*), Jabatan Perikanan dan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dengan bantuan Syarikat Minyak Shell sendiri," tegas Yang Berhormat.

# Teknologi Bahagian Arkeologi, Jabatan Muzium-Muzium setaraf piawaian antarabangsa



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Laporan : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 19 Mac.- Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menyatakan bahawa Bahagian Arkeologi, Jabatan Muzium-Muzium pada masa ini menggunakan teknologi setaraf dengan piawaian ukur di Negara Brunei Darussalam selaras dengan piawaian antarabangsa.

Namun keperluan bagi penggunaan yang lebih canggih bagi mana-mana projek arkeologi akan dilaksanakan bersama kementerian dan jabatan-jabatan serta pakar-pakar di dalam dan luar negeri (bukan secara bersendirian).

Pada hari ke-11 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-14 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga menjawab persoalan daripada Yang Berhormat Awang Mohimin bin Haji Johari @ Jahari yang sebelum ini mengenai cadangan Pusat Konservasi Warisan (Usaha Pusat Sejarah Brunei bagi sejarah yang belum terungkap).

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga akan menyambut baik akan cadangan mengenai Pusat Konservasi Warisan (Heritage Conservation Centre) dan sedang diteliti oleh Jabatan Muzium-Muzium pada waktu ini.

"Apa yang penting ia hendaklah mengambil kira perancangan yang khusus dengan mengambil kira tempat penyimpanan koleksi warisan negara yang bertaraf antarabangsa sesuai dengan keperluan yang akan datang," kata Yang Berhormat.

# Jadual Akta Perbekalan 2018 / 2019 yang diluluskan

| *Tajuk* | *Gelaran* | *Jumlah yang diperuntukkan* |
|---|---|---|
| | **JABATAN PERDANA MENTERI** | |
| SA01A | Jabatan Perdana Menteri | $29,727,190.00 |
| SA02A | Jabatan Adat Istiadat Negara | $2,850,550.00 |
| SA03A | Jabatan Audit | $5,703,710.00 |
| SA04A | Biro Kawalan Narkotik | |
| SA05A | Biro Mencegah Rasuah | |
| SA06A | Jabatan Keselamatan Dalam Negeri | |
| SA07A | Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat | $2,336,680.00 |
| SA08A | Radio Televisyen Brunei | $41,499,140.00 |
| SA09A | Jabatan Penerangan | $6,225,470.00 |
| SA10A | Jabatan Perkhidmatan Awam | $25,847,630.00 |
| SA11A | Jabatan Perkhidmatan Pengurusan | $2,313,100.00 |
| SA12A | Polis Diraja Brunei | |
| SA14A | Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam | $4,759,170.00 |
| SA15A | Jabatan Tenaga dan Perindustrian | $13,256,410.00 |
| SA16A | Jabatan Mufti Kerajaan | $6,099,740.00 |
| SA17A | Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi | $8,159,140.00 |
| SA18A | Bahagian Undang-Undang | $730,090.00 |
| SA20A | Jabatan Percetakan Kerajaan | $8,238,410.00 |
| SA21A | Pejabat Peguam Negara | $11,444,920.00 |
| SA22A | Jabatan Kehakiman Negara | $9,374,060.00 |
| SA23A | Pusat Kebangsaan E-Kerajaan | $36,804,440.00 |
| SA24A | Jabatan Perkhidmatan Elektrik | $128,722,200.00 |
| SA25A | Jabatan Penyelidikan Brunei, Jabatan Perdana Menteri | |
| | **KEMENTERIAN PERTAHANAN** | |
| SB01A | Jabatan Kementerian Pertahanan | |
| SB04A | Jabatan Menteri Pertahanan dan Jabatanarah Perancangan Strategik | |
| | **KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN** | |
| SC01A | Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan | $112,282,840.00 |
| | **KEMENTERIAN KEWANGAN** | |
| SD01A | Jabatan Kementerian Kewangan | $14,070,740.00 |
| SD03A | Jabatan Kastam dan Eksais Diraja | $14,683,930.00 |
| SD05A | Jabatan Perbendaharaan | $21,686,190.00 |
| SD08A | Perkhidmatan Rampaian HMSF | |
| SD09A | Perkhidmatan Rampaian | $545,574,383.00 |
| | **KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI** | |
| SE01A | Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri | $9,106,220.00 |
| SE02A | Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan | $17,696,980.00 |
| SE03A | Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria | $6,920,910.00 |
| SE04A | Lembaga Bandaran Tutong | $2,244,550.00 |
| SE05A | Jabatan Buruh | $5,854,780.00 |
| SE06A | Pejabat Daerah Brunei dan Muara | $12,079,800.00 |
| SE07A | Pejabat Daerah Belait | $4,185,190.00 |
| SE08A | Pejabat Daerah Tutong | $4,837,080.00 |
| SE09A | Pejabat Daerah Temburong | $4,356,880.00 |
| SE10A | Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan | $19,300,745.00 |
| SE11A | Jabatan Penjara | $11,583,840.00 |
| SE12A | Jabatan Bomba dan Penyelamat | $32,528,680.00 |
| | **KEMENTERIAN PENDIDIKAN** | |
| SF01A | Kementerian Pendidikan | $695,862,240.00 |
| | **KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** | |
| SH01A | Jabatan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan | $7,023,090.00 |
| SH02A | Jabatan Perhutanan | $6,961,296.00 |
| SH03A | Jabatan Perikanan | $7,353,725.00 |
| SH04A | Jabatan Pertanian dan Agrimakanan | $31,234,780.00 |
| SH06A | Jabatan Kemajuan Pelancongan | $1,599,330.00 |
| | **KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA** | |
| SJ01A | Kementerian Hal Ehwal Ugama | $236,225,580.00 |
| | **KEMENTERIAN PEMBANGUNAN** | |
| SK01A | Jabatan Kementerian Pembangunan | $9,783,920.00 |
| SK02A | Jabatan Kemajuan Perumahan | $14,308,210.00 |
| SK03A | Jabatan Kerja Raya | $138,558,040.00 |
| SK04A | Jabatan Perancang Bandar dan Desa | $3,904,220.00 |
| SK06A | Jabatan Tanah | $11,168,000.00 |
| SK07A | Jabatan Ukur | $13,574,480.00 |
| SK08A | Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi | $18,480,770.00 |
| | **KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** | |
| SL01A | Jabatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan | $15,539,960.00 |
| SL02A | Dewan Bahasa dan Pustaka | $11,285,060.00 |
| SL03A | Jabatan Belia dan Sukan | $18,373,390.00 |
| SL04A | Muzium-Muzium | $8,992,790.00 |
| SL05A | Pusat Sejarah | $4,030,300.00 |
| SL06A | Jabatan Pembangunan Masyarakat | $15,799,640.00 |
| | **KEMENTERIAN KESIHATAN** | |
| SM01A | Kementerian Kesihatan | $344,336,490.00 |
| | **KEMENTERIAN PERHUBUNGAN** | |
| SN01A | Jabatan Kementerian Perhubungan | $12,662,650.00 |
| SN04A | Jabatan Penerbangan Awam | $21,866,260.00 |
| SN05A | Jabatan Pengangkutan Darat | $8,089,600.00 |
| SN06A | Jabatan Perkhidmatan Pos | $8,872,080.00 |
| SN08A | Jabatan Kajicuaca | $3,389,910.00 |
| | **KEMAJUAN** | |
| SP01A | Kemajuan | $900,000,000.00 |
| | | $4,600,000,000.00 |

MAJLIS MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-14 MAJLIS MESYUARAT NEGARA (MMN) BOLEH DIBACA SETIAP HARI MELALUI LAMAN SESAWANG :

**www.pelitabrunei.gov.bn**

BAGI MENGETAHUI BERITA-BERITA PENUH.

# Majlis Kesyukuran raikan Hari Hutan Antarabangsa 2018



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong semasa membaca Surah Yaa Siin sempena Hari Hutan Antarabangsa 2018.

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 20 Mac. - Sempena Hari Hutan Antarabangsa 2018, Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah mengadakan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Selamat di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, di sini.

Hadir di majlis tersebut, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong.

Turut hadir Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin dan Timbalan Setiausaha Tetap KSSUP, Awang Wardi bin Haji Mohamad Ali.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib diikuti dengan membaca Surah Yaa Siin dan diakhiri dengan bacaan Doa Khas sempena Hari Hutan Antarabangsa 2018.

# Kapten Sharifah Czarena terima penghormatan IFOF



JURUTERBANG wanita pertama Brunei, Kapten Sharifah Czarena Suriany Syed Hashim berjaya mengharumkan nama negara apabila menjadi salah seorang penerima penghormatan International Forest of Friendship (IFOF) 2018.

**Berita dan Foto : Mohamad Azmi Awang Damit**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 20 Mac.- Juruterbang wanita pertama Brunei, Kapten Sharifah Czarena Suriany Syed Hashim sekali lagi telah berjaya mengharumkan nama negara apabila menjadi salah seorang penerima penghormatan International Forest of Friendship (IFOF) 2018.

Kapten Sharifah Czarena akan diberikan penghormatan IFOF berkenaan dalam satu majlis yang akan diadakan di Atchison, Kansas, Amerika Syarikat pada bulan September 2018 bersama para penerima yang lainnya atas dedikasi, kepimpinan, semangat setiakawan dan usaha yang diberikan dalam mencapai matlamat penerbangan.

Selain itu, penerima juga dipilih berdasarkan sumbangan dalam memajukan industri penerbangan dan pencapaian rekod dalam penerbangan.

Terdahulu, majlis bagi meraikan pengiktirafan tersebut diadakan diadakan di Dewan Sejahtera, Kelab Rekreasi Diraja Brunei (RBRC).

Majlis dimulakan dengan ucapan daripada Pengarah Urusan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB), Karam Chand, yang antara lain menyentuh mengenai pencapaian Kapten Sharifah Czarena yang bukan sahaja menjadi aset penting bagi RB tetapi juga menjadi inspirasi kepada rakyat Brunei untuk terus mengejar impian masing-masing.

"Kami berbangga dengan pencapaian Kapten Sharifah Czarena dan sumbangan beliau terhadap syarikat serta negara, seterusnya menerima penghormatan anugerah IFOF 2018," jelasnya.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil penghormatan, diikuti dengan sesi bergambar ramai.

Di majlis tersebut, Kapten Sharifah Czarena turut mengongsikan kegembiraannya dan rasa terharu atas penghormatan yang diberikan kepadanya.

"Kerjaya sebagai juruterbang merupakan kerjaya yang didominasi oleh lelaki dan sebagai seorang wanita Brunei pertama, ia adalah merupakan satu pencapaian yang membanggakan serta seterusnya menjadi contoh kepada wanita lainnya khususnya generasi muda untuk terus mengejar impian mereka," jelasnya.

IFOF juga turut memberikan pengiktirafan kepada RB kerana menjadi syarikat penerbangan pertama di Asia Tenggara yang mempunyai juruterbang kapten wanita dan atas pencapaian penerbangan dari Brunei ke Jeddah dengan semua krew wanita yang diketuai oleh Kapten Sharifah Czarena sempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Brunei 2017.

**HALUAN**

# Ikuti tatacara SOPs bagi memberikan rawatan

**Dari muka 2**

Saya juga ingin nasihatkan kepada para graduan untuk sentiasa menumpukan perhatian kepada mendidik masyarakat mengenai pencegahan penyakit dan langkah-langkah mempromosi kesihatan serta mengekalkan cara hidup sihat. Bekerjasama mengukuhkan kepercayaan pesakit / pelanggan dan masyarakat melalui pemberian penjagaan dan perawatan yang berasaskan bukti. Pengetahuan dan kemahiran yang mantap berserta layanan yang baik dapat memberikan keyakinan kepada pesakit seterusnya meningkatkan *compliance* mereka pada rawatan yang diterima.

Akhirnya, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kerjasama dan sokongan padu pihak Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam dan pihak JPKE dalam sama-sama membantu melahirkan graduan-graduan ini, dan juga kepada pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Perkhidmatan Kejururawatan, khasnya Jabatan Perkhidmatan Kejururawatan atas usaha yang gigih serta komitmen yang tinggi merealisasikan pengeluaran graduan ini. Kementerian Kesihatan turut berasa bangga dengan kejayaan para graduan dan sekali lagi ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada para ibu bapa dan penjaga atas dorongan dan sokongan yang berpanjangan yang akhirnya membuahkan kejayaan dan kebanggaan kepada keluarga.

Sekian.

# Mencabut uban dan mewarnakannya

**(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut)**

UBAN ialah rambut yang sudah putih ataupun mulai menjadi putih. Pada kebiasaannya uban akan tumbuh pada usia tua tetapi ada juga sebahagian orang sudah beruban pada usia muda. Oleh kerana itu, ada orang yang merasa gelisah dan risau dengannya, dan ada juga yang merasa malu dengannya. Maka ada yang mencabutnya dan ada juga yang mewarnakannya dengan warna hitam. Namun adakah perbuatan itu dibenarkan oleh Islam.

**Beberapa Ayat Al-Quran Mengenai Uban**

Ada beberapa ayat dalam Al-Quran yang menyebut mengenai uban, iaitu:

1. Surah Maryam, ayat 4 :

**Tafsirnya** : *"Dia berkata : "Ya Tuhanku! Sesungguhnya tulangku telah lemah dan kepalaku telah dipenuhi uban dan aku tidak pernah berasa hampa dengan doa permohonanku kepada-Mu Ya Tuhanku (maka janganlah Engkau hampakan doaku ini)."*

(Surah Maryam : 4)

2. Surah ar-Rum, ayat 54 :

**Tafsirnya** : *"Allah yang menciptakan kamu daripada keadaan lemah, selepas berkeadaan lemah itu Dia menjadikan kamu berkeadaan kuat (muda), setelah itu Dia menjadikan kamu lemah semula dan tua beruban. Dia menciptakan apa yang dikehendaki-Nya, dan Dia Maha Mengetahui lagi Maha Berkuasa."*

(Surah ar-Rum : 54)

3. Surah al-Muzzammil, ayat 17 :

**Tafsirnya** : *"Maka bagaimanakah kamu dapat menjaga dan menyelamatkan diri kamu jika kamu tetap ingkar kepada hari (yang huru-haranya) menyebabkan kanak-kanak beruban?"*

(Surah al-Muzzammil : 17)

**Kelebihan Orang Yang Mempunyai Uban**

Di antara kelebihan uban ialah sebagaimana disebutkan dalam hadis at-Tirmidzi yang diriwayatkan daripada Ka'ab bin Murrah bahawa Rasulullah Sallalahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya** : *"Sesiapa beruban dengan sehelai uban dalam (keadaannya) beragama Islam maka baginya cahaya pada hari kiamat."*

(Hadis riwayat at-Tirmidzi)

Imam al-Hafidz Muhammad 'Abdurrahman al-Mubarakfuri Rahimahullah pengarang Kitab Tuhfah al-Ahwadzi menghuraikan bahawa sesiapa memiliki sehelai uban dalam beragama Islam (iaitu lebih umum daripada berjihad atau selainnya) maka baginya cahaya di hari kiamat iaitu cahaya yang menerangi sesuatu kegelapan dan meleraikan kesukarannya. Menurut al-Munawi Rahimahullah rambut yang beruban itu sendiri yang akan menjadi cahaya bagi tuannya.

Begitu juga dalam hadis yang diriwayatkan oleh 'Abdullah bin 'Amr Radhiallahuanhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya** : *"Uban adalah cahaya bagi seorang yang beriman, tidak beruban seseorang itu dengan sehelai uban dalam (keadaannya) beragama Islam melainkan bagi setiap helai uban itu satu kebajikan dan diangkat dengannya satu darjat."*

(Hadis riwayat al-Baihaqi)

Hadis ini menerangkan bahawa uban itu adalah sebagai cahaya bagi orang yang beriman kerana ia boleh menghalang daripada perbuatan membangga diri dan kurang berhati-hati dan ia boleh mendorong kepada melakukan ketaatan sehingga mendapat kebajikan dan ditempatkan pada darjat yang tinggi di syurga.

Selain itu, uban juga merupakan satu peringatan khususnya di usia tua dalam menambahkan dan meningkatkan kesedaran untuk lebih beramal dalam persediaan menghadapi ajal yang pasti tiba. Ini kerana uban itu juga adalah sebagai pemberi peringatan sebagaimana disebutkan dalam Al-Quran, Allah Subhanahu Wata'ala berfirman :

**Tafsirnya** : *"(Dikatakan kepada mereka:) Bukankah Kami telah memanjangkan umur kamu untuk kamu berfikir bagi orang yang mahu berfikir pada hal kamu telah didatangi oleh pemberi peringatan? Maka rasailah (azab Kami), tidaklah ada bagi orang-orang zalim itu seorang penolong pun."*

(Surah Fathir : 37)

Dalam ayat di atas uban disebut sebagai 'sang pemberi peringatan' oleh sebahagian ahli tafsir seperti Ibnu 'Abbas, 'Ikrimah dan Qatadah Radhiallahuanhum sebagaimana disebut dalam kitab tafsir Ibnu Katsir.

**Hukum Mencabut Uban**

Hukum mencabut uban dari bahagian badan yang tidak dituntut untuk mencabutnya adalah makruh, sebagaimana disebutkan oleh Imam an-Nawawi Rahimahullah dalam Kitab al-Majmu'. Tidaklah ada beza sama ada mencabut uban di janggut ataupun di rambut. Hukum makruh ini adalah berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh 'Amr bin Syu'aib Radhiallahuanhu daripada bapanya dan datuknya, dia berkata bahawa Rasulullah Salallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya** : *"Janganlah kamu mencabut uban kerana ia adalah cahaya bagi orang Islam, tidak ada dari orang Islam itu yang beruban dengan sehelai uban dalam (keadaannya) beragama Islam melainkan Allah menulis baginya dengan sehelai uban itu satu kebajikan dan mengangkatnya dengan sehelai uban itu satu darjat dan menggugurkan daripadanya dengan sehelai uban itu satu kesalahan."*

(Hadis riwayat Ahmad dan Abu Daud)

**Hukum Mewarna Uban**

Sunat mewarnai uban dengan inai yang berwarna kekuningan atau kemerahan sebagaimana yang telah disepakati oleh para ashab berdasarkan hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu, bahawa Rasullullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya** : *"Bahawasanya orang-orang Yahudi dan Nashrani tidak mewarnai (rambut atau janggut mereka), kerana itu buatlah kelainan daripada mereka."*

(Hadis riwayat al-Bukhari)

Sementara itu, para fuqaha telah sepakat mencela perbuatan mewarnai rambut atau




janggut yang beruban dengan warna hitam. Pendapat yang sahih mengatakan bahawa hukum perbuatan tersebut adalah haram melainkan ke atas orang-orang yang berjihad. Dalil pengharaman mewarnai rambut atau janggut dengan warna hitam itu adalah berdasarkan riwayat daripada Jabir Radhiallahuanhu katanya :

**Maksudnya** : *"Pada hari penaklukan Makkah dibawa Abu Quhafah ke hadapan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan rambut dan janggutnya memutih seperti tsaghamah (sejenis tumbuhan yang bunga dan buahnya berwarna putih). Maka Baginda bersabda : "Tukarlah ini dengan sesuatu, tetapi jauhilah warna hitam."*

(Hadis riwayat Muslim)

Sementara hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu 'Abbas Radhiallahuanhuma, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya** : *"Di akhir zaman akan banyak kaum yang mewarnai rambut dengan warna hitam, seperti dada burung merpati. Mereka tidak dapat menikmati bau syurga."*

(Hadis riwayat Abu Daud)

**Ke muka 18**




# Meraih kejayaan melalui doa, usaha, ikhtiar dan tawakal

SATU ungkapan masyhur mengatakan kejayaan hendaklah diiringi doa, usaha, ikhtiar dan tawakal. Memang tidak dinafikan, ungkapan ini adalah satu ungkapan yang sangat positif untuk diterapkan dalam kehidupan.

Doa adalah rahsia kejayaan kerana ia adalah senjata terakhir bukan saja untuk membina keyakinan diri malah mencapai kejayaan. Doa merupakan permohonan atau permintaan terhadap sesuatu sesuai dengan apa yang dihajati atau memohon perlindungan kepada Allah Subhanahu Wata'ala bagi menghindarkan daripada bala bencana. Sehebat apapun kita, sepintar apapun kita tetapi meninggalkan berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala adalah kesombongan yang paling tercela sepertimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ghafir (al-Mu'min), ayat 60 tafsirnya :

*"Dan Tuhan kamu berfirman : "Berdoalah kepada-Ku nescaya Aku memperkenankan doa kamu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri daripada beribadat kepada-Ku akan masuk Neraka Jahannam dalam keadaan hina."*

Justeru itu, kejayaan kita adalah dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, hanya tinggal kita sebagai hamba-Nya untuk tidak putus-putus memohon doa. Janganlah timbul perasaan letih atau bosan dalam berdoa kerana berdoa itu hendaklah disertai dengan niat yang tulus ikhlas, bersungguh-sungguh serta yakin doa akan dimakbulkan sepertimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam at-Tirmidzi, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya : Berdoalah kamu kepada Allah dalam keadaan kamu yakin dimakbulkan dan kamu ketahuilah bahawa Allah tidak akan memakbulkan doa daripada hati yang lalai serta bermain-main (dengan apa yang dipohon atau sibuk dengan urusan selain Allah Ta'ala).

Dalam sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang lain iaitu dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam at-Tirmidzi,yang bermaksud :

*"Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala itu hidup dan Maha Pemberi, Allah Subhanahu Wata'ala malu jika seseorang mengangkat kedua tangannya kepada-Nya lalu mengembalikan kedua tangan orang itu (membalas doa orang itu) dalam keadaan kosong serta rugi."*

Oleh itu, percayalah dan bersangka baiklah kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Maka jagalah ibadat dan jauhilah perkara mungkar terlebih dahulu. Begitu juga, sebagai umat Islam kita perlulah memelihara makan, minum serta pakaian agar semuanya bersumber daripada yang halal. Hayatilah doa itu dan lakukannya dengan menjaga adab-adabnya seperti berdoa dengan bersungguh-sungguh dengan hati yang tulus ikhlas, khusyuk dan dengan penuh keyakinan. Ketahuilah bahawa doa itu sangat penting dan mustahak untuk dijaga bagi menjauhkan diri kita daripada syaitan dan sekutunya. Janganlah berputus asa dan mudah merasa bosan, apatah lagi langsung tidak berdoa.

Namun doa sahaja tidak juga mungkin akan tercapai oleh seseorang tanpa diiringi dengan usaha keras atau ikhtiar sepertimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah ar-Ra'ad ayat 11, tafsirnya :

*"Sesungguhnya Allah tidak mengubah (keadaan) apa yang ada pada suatu kaum sehinggalah mereka mengubah (keadaan) apa yang ada pada diri mereka sendiri."*

Begitu jelas, kejayaan menuntut kita untuk berkerja keras. Allah Subhanahu Wata'ala tidak akan merubah keadaan kita jika kita tidak berusaha merubah sebab-sebab kemunduran. Sesungguhnya hidup orang yang berjaya adalah sentiasa lebih baik daripada sebelumnya iaitu daripada kurang baik kepada baik, daripada baik kepada yang lebih baik (cemerlang).

Justeru, setelah segala doa dan usaha telah dibuat, kita berdoa dan tawakal atau berserah diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Tawakal yang sebenarnya adalah menyerah diri dengan seikhlasnya kepada Allah setelah berusaha keras dalam berikhtiar sesuai dengan kemampuan. Menurut ajaran Islam, tawakal itu adalah tumpuan terakhir dalam menghadapi atau menunggu hasil daripada setiap usaha dan perjuangan. Seorang ulama berpendapat bahawa usaha itu adalah satu bentuk ketaatan kepada Allah manakala bersandarnya hati kepada Allah, iaitu tawakal adalah termasuk keimanan.

| | Nestle Milo - 1 kg | $ 6.00 | $ - | $ 6.39 | $ - |
| | Nestle Milo - 1.5 kg | $ 10.60 | $ - | $ 12.90 | $ - |
| 17 | **Bawang** | | | | |
| | Bawang besar - 1 kg | $ - | $ 1.20 | $ 1.50 | $ - |
| | Bawang putih - 1 kg | $ 3.20 | $ 2.00 | $ 3.50 | $ - |
| | Bawang merah - 1 kg | $ 2.50 | $ - | $ 5.50 | $ - |
| 18 | **Sos** | | | | |
| | Lee Kum Kee; sos tiram - 510 gm | $ - | $ - | $ 2.95 | $ - |
| | HABHAL @ CAP KIPAS UDANG; Salty Soy Sauce - 645 ml | $ 3.50 | $ - | $ 3.70 | $ 3.70 |
| | HABHAL @ CAP KIPAS UDANG; Sweet Soy Sauce - 645 ml | $ 3.60 | $ - | $ 3.00 | $ 3.70 |
| | MAGGI; sos cili - 340 gm | $ 1.20 | $ - | $ 1.10 | $ - |
| | MAGGI; sos tomato - 325 gm | $ 1.10 | $ - | $ 0.95 | $ 1.00 |
| | ADABI; sos tiram - 510 gm | $ 2.50 | $ - | $ - | $ 2.95 |
| | NONA; sos tiram - 510 gm | $ - | $ - | $ - | $ 2.50 |

*Harga barang tertakluk kepada stok

*** Senarai penuh boleh diperolehi dari aplikasi mudah alih PenggunaBijak atau laman sesawang www.depd.gov.bn/cad

Sebarang pertanyaan boleh hubungi JPKE +673223 0220 semasa waktu pejabat atau e-mel : aduanpengguna@jpke.gov.bn dan consumercomplaint@jpke.gov.bn

# 100 belia sertai Leaders Foundation Camp 3.0



SEBAHAGIAN dari peserta yang telah berjaya menamatkan 'Leaders Foundation Camp 3.0' pada 18 Mac lalu setelah menjalani perkhemahan selama tiga hari dua malam di Perkampungan Sukan, Kompleks Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Siaran Akhbar dan Foto :
Generasi Bekarih

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 20 Mac. - Seramai 100 peserta telah berjaya menamatkan 'Leaders Foundation Camp 3.0' pada 18 Mac lalu setelah menjalani perkhemahan selama tiga hari dua malam di Perkampungan Sukan, Kompleks Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Ini adalah perkhemahan ketiga yang dianjurkan oleh Generasi Bekarih. Sejak perkhemahan pertama ditubuhkan, Generasi Bekarih telah banyak membantu belia dalam memberi tunjuk ajar dari segi motivasi berdasarkan kepada fasilitator yang berpengalaman dan melatih mereka bagaimana menjadi pemimpin yang bertanggungjawab.

Perkhemahan tersebut telah memberikan kesedaran penting dalam hidup, seperti keluarga, kejayaan dan emosi yang lebih menghubungkan ikatan antara para peserta dan ibu bapa mereka.

Ini membantu mereka menyedari bahawa ikatan keluarga merupakan sebahagian daripada perjalanan pemimpin yang berjaya.

Selain itu, perkhemahan tersebut juga sebagai cara lain untuk mendidik belia dalam command skills atau life skills bagi mengubah cara pemikiran dan perspektif mereka.

Leaders Foundation Camp akan diadakan lagi pada cuti persekolahan yang akan datang pada September 2018.

Bagi mereka yang telah menyertai perkhemahan sebelumnya, dibolehkan untuk menyertai 'Advanced Leaders Camp' yang akan diadakan pada 22 hingga 25 Mac 2018 di Hutan Simpan, Berakas.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh melayari laman sesawang Generasi Bekarih di *www.GenerasiBekarih.com* atau ikuti mereka di Instagram dan Facebook.

## Mencabut uban dan mewarnakannya

Dari muka 12

Tidak ada perbezaan di antara lelaki dan perempuan dalam larangan mewarnai rambut dengan warna hitam itu melainkan bagi perempuan yang bersuami harus baginya mewarnai rambut yang beruban dengan warna hitam bagi tujuan berhias untuk suami dengan izin suaminya menurut pendapat al-awjah sebagaimana disebutkan oleh Syihabuddin ar-Ramli Rahimahullah dalam kitabnya Nihayah al-Muhtaj.

**Pewarna Rambut Yang Dijual Di Pasaran**

Ada pelbagai jenis perwarna rambut atau lebih dikenali dengan *dye* rambut dijual di pasaran. Namun perlu diambil perhatian mengenai *dye* rambut yang berjual di pasaran, bukan sahaja kesucian atau kehalalannya tetapi sifatnya yang meresap ke rambut dan bukannya melekat atau melapis rambut juga perlu diketahui supaya tidak menghalang sampainya air ketika mengangkat hadas kecil dan hadas besar.

Ini kerana dalam perkara mengangkat hadas besar seperti Mandi Junub ataupun mengangkat hadas kecil iaitu berwuduk, rambut merupakan bahagian yang wajib dibasuh. Ini bererti air yang bersih wajib sampai ke semua bahagian rambut termasuklah kulit kepala ketika mandi junub itu atau sebahagiannya ketika berwudhu. Jika ada sesuatu yang menghalang air untuk sampai membasahi rambut, maka tidak sah mandi hadas dan wuduk berkenaan. Maka ibadat-ibadat yang dilakukan seperti sembahyang menjadi tidak sah kerana hadas atau wuduknya itu tidak terangkat.

Sebab itulah bukan sahaja kesucian pewarna rambut malah sifatnya yang meresap juga perlu diambil perhatian demi memastikan ibadat yang kita lakukan tidak akan terjejas setelah menggunakan perwarna rambut tersebut.

Demikianlah huraian mengenai hukum mencabut uban dan mewarnakannya. Janganlah malu dengan tumbuhnya uban kerana uban mempunyai kelebihan sebagaimana disebutkan sebelum ini.




## KURANGKAN LEMAK, PEMAKANAN SIHAT

### Mengapa Kurangkan Lemak

*Lemak merupakan sumber kalori terbanyak.
*Makanan banyak lemak dan minyak boleh mengakibatkan kegemukan yang juga dikaitkan dengan penyakit jantung koronari, kencing manis dan barah.

### Fakta Lemak :

Tanpa disedari, hampir semua makanan harian kita banyak mengandungi lemak seperti :

1. Makanan yang mengandungi lemak semulajadi : minyak, mentega, marjerin, minyak sapi, santan dan krim.
2. Makanan yang mengandungi tambahan lemak/minyak : kuih-muih, karipap, roti canai, kek, cucur pisang, bingka, keropok, nasi goreng, nasi lemak, mee goreng, ayam goreng, ikan goreng dan mayonis.

### Masakan Sedap Kurang Lemak

1. Buangkan lemak sebelum memasak
2. Kurangkan minyak dan lemak semasa memasak. Siut dan buang lemak dari sup atau masakan.
3. Ubahsuai resipi :
   - Kurangkan atau elakkan membubuh santan atau kerisik.
   - Tambah sayuran dan kekacang.
   - Kurangkan pengambilan daging kepada sekali seminggu.
   - Gunakan herba atau rempah untuk menambah rasa.
4. Amalkan cara masakan seperti : rebus, kukus, pais panggang, ampap, tumis, 'microwave', 'pressure cooker'.
5. Kurangkan mentega, marjerin dan mayonis dalam sandwich, digalakkan membubuh hirisan timun, tomato dan salad.

Untuk maklumat lanjut hubungi ☎123 MOHBrunei http://www.moh.gov.bn

Apa Pendapat Biskita?

# Pelihara hidupan laut

MEMULIHARA hidupan laut merupakan tanggungjawab semua baik ia seorang nelayan mahupun seorang yang tidak pandai makan ikan air masin kerana hidupan laut perlu bantuan kita untuk merek terus hidup dan dapat menghidupkan kita kerana menjadi makanan kita harian.

Oleh itu, orang ramai dan masyarakat umum diseru untuk sama-sama memelihara kehidupan laut di negara ini termasuklah batu karang atau Takat-Takat.

Perkara itu kerana Takat-Takat (Koral) tersebut adalah mustahak dan perlu dipelihara bagi menjana ikan-ikan dan kehidupan laut di negara ini.

Program ini adalah sebagai salah satu usaha dalam menggayakan lagi kehidupan laut di negara ini dan mampu menarik pelancong asing untuk menikmati kepelbagaian Koral di negara ini pada masa akan datang.

Spesies marin seperti Tuntung, Penyu Hijau dan Terumbu Karang juga menjadi semakin pupus. The World Conservation Union (IUCN) atau Kesatuan Pemuliharaan Dunia telah menganggarkan bahawa terdapat lebih 16,000 spesies hidupan liar yang diancam kepupusan.

Hanya dua hingga empat peratus daripada semua spesies masih wujud pada hari ini. Walaupun kepupusan adalah satu proses semula jadi yang telah berlaku di planet ini selama berjuta-juta tahun, kadar semasa kehilangan spesies adalah sekitar 1,000 hingga 10,000 kali lebih tinggi daripada kadar kepupusan semula jadi. Pada 500 tahun yang lalu, 820 spesies telah pupus akibat aktiviti manusia.

Ruang Apa Pendapat Biskita sempat mendapatkan pandangan mengenai pelihara hidupan laut.

"Bagi melindungi sumber alam yang penting itu daripada ancaman pemanasan global, kemusnahan habitat, aktiviti penangkapan ikan dan pencemaran, kita memerlukan pemahaman yang lebih terhadap kepelbagaian hidupan laut.

Di negara ini, kemusnahan hidupan laut tidaklah seburuk mana jika dibandingkan dengan rantau lain di dunia, akan tetapi tidak dinafikan terdapat kekurangan beberapa jenis ikan yang disebabkan pencemaran air.

Mengikut statistik kebersihan air Sungai Brunei khas di Kampong Ayer belumlah di tahap 100 peratus, ini kerana Kampong Ayer mengalami beberapa kejadian kebakaran besar yang menyebabkan airnya tercemar namun tidaklah begitu membimbangkan.

Tetapi jika tidak dikawal dan rawat besar kemungkinan ia akan menjadi lebih buruk oleh itu orang ramai khasnya penduduk di Kampong Ayer supaya sama-sama dapat menjaga kebersihan dengan tidak membuang apa jua jenis sampah ke air, gunakanlah tong-tong sampah yang telah disediakan. **- Mku, Serasa.**

"Walaupun, kita memperoleh data yang betul akan kerosakan hidupan laut kita kerana tidak adanya kajian, akan tetapi pihak tertentu telah mendapat beberapa kerosakan Terumbu Karang yang banyak yang disebabkan pukat-pukat menyangkut yang dibiarkan dan beg-beg plastik yang dibuang ke laut.

Hal ini jika dikawal suatu hari nanti kita akan kekurangan bekalan ikan segar, jika kita tinjau negara lain dianggarkan hampir satu pertiga daripada semua aktiviti komersial penangkapan ikan telah merosot. Jumlah penangkapan juga telah berkurangan sebanyak 10 peratus manakala 25 pertaus daripada semua batu karang telah rosak.

Usaha besar-besaran perlu diadakan untuk mengelak ikan dan terumbu karang dari berterusan berkurangan supaya kewujudan pelbagai jenis hidupan marin tidak akan pupus hanya dalam tempoh 25 hingga 50 tahun akan datang. **- Sah, Tutong.**

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.
Sila e-mel pendapat biskita ke:
*Pelita.brunei@information.gov.bn*
**i. Cuti-Cuti Dalam Negeri**
**ii. Manfaatkan Cuti Persekolahan**

# 39 ahli terima lantikan Ahli Pengawasan Kejiranan


PEGAWAI Pemerintah Daerah Polis Tutong, Penguasa Polis Suhairi bin Haji Sukri menyampaikan Surat Lantikan Ahli Pengawasan Kejiranan Sengkarai / Penabai, Tutong kepada ahli baharu.

**Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**

**TUTONG**, Selasa, 20 Mac. - Seramai 39 ahli baharu Pengawasan Kejiranan menerima Surat Lantikan Ahli Pengawasan Kejiranan Sengkarai / Penabai, Tutong kelmarin bertempat di Balai Raya Kampung Sengkarai.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan surat lantikan ialah Pegawai Pemerintah Daerah Polis Tutong, Penguasa Polis Suhairi bin Haji Sukri.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Pemangku Penghulu Mukim Pekan Tutong, Awang Haji Mumin bin Abdul Razak diikuti dengan Taklimat mengenai Pengawasan Kejiranan yang disampaikan oleh Kopral 5250 Awang Md. Fadillah bin Md. Jaini.

Juga hadir ialah Wakil Pegawai Pejabat Daerah Tutong, Awang Abdul Kahar bin Haji Yahya, Penolong Pegawai tugas-tugas Khas Pejabat Daerah Tutong dan anggota Daerah Polis Tutong.

Kampung Selera Kitani

## Kampung Setia 'A'


Foto : Azmah Haji Ahad

## CUCUR UDANG

**BAHAN-BAHANNYA :**
Bahan A
½ kilo udang hidup
5 biji Bawang Merah (dikisar)
2 biji Bawang Putih (dikisar)
1 biji Bawang Besar (dikisar)
2 tangkai lada kering (dikisar)
Sedikit garam dan serbuk perasa

Bahan B - Bahan-bahan untuk kulitnya
500g tepung biasa
100g tepung naik sendiri
1 ½ cawan air
Sedikit pewarna kuning

**CARA MEMASAKNYA :**

Bahan A : Udang dibuang kulitnya tinggalkan ekornya, udang dibelah dua jangan sampai putus, dibersihkan. Kemudian gaul bersama bahan-bahan yang dikisar dan sedikit garam dan sedikit serbuk perasa. Kemudian barulah dicelup ke dalam tepung dan digoreng.

Bahan B : Tepung dan air dibancuh dan masukkan sedikit pewarna kuning.

# Aplikasi Permainan Tradisi Chator Asli Brunei dilancarkan



PENOLONG Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Universiti Brunei Darussalam (UBD), Profesor David Koh (tiga, kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Aplikasi dan Bengkel Permainan Tradisi Chator Asli Brunei di Inspiring Hall, Student Centre, UBD.

**Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**TUNGKU LINK**, Isnin, 19 Mac. - Permainan Chator Asli Brunei ialah salah satu daripada permainan tradisi rakyat Brunei pada masa dahulu.

Melihat dari segi sejarahnya, Chator Asli Brunei merupakan permainan yang sering dimainkan di istana terutamanya daripada golongan bangsawan pada zaman pemerintahan Sultan Bolkiah.

Dalam dunia moden hari ini, terdapat pengaruh yang kuat daripada permainan moden dengan menggunakan alat-alat teknologi elektronik baharu.

Kepantasan teknologi di era moden globalisasi hari ini menyebabkan sebahagian kanak-kanak zaman kini hampir melupakan permainan tradisi Brunei umpamanya permainan tradisi Chator Asli Brunei ini.

Universiti Brunei Darussalam (UBD) melalui Akademi Pengajian Brunei (APB) mengadakan Majlis Pelancaran Aplikasi dan Bengkel Permainan Tradisi Chator Asli Brunei di Inspiring Hall, Student Centre, UBD, di sini.

Penolong Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UBD, Profesor David Koh hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.

Terlebih dahulu, Pensyarah Kanan APB juga selaku Ketua Program, Dr. Haji Tassim bin Haji Abu Bakar dalam ucapan alu-aluannya antara lain menyatakan, permainan Chator Asli Brunei sudah semakin kurang diketahui dan yang biasa kita dengar hanyalah permainan catur biasa sahaja.

Katanya, generasi pada masa kini tidak lagi dapat mengenali permainan tradisi yang sudah sekian lama dimainkan oleh nenek moyang yang terdahulu khususnya permainan Chator Asli Brunei.

"Dilihat pada perubahan masa, makanya ditukar dari permainan Brunei pada permainan catur biasa atau dikenali permainan catur, inilah punca yang menyebabkan permainan tradisi Chator Asli Brunei semakin berkurangan secara tidak langsung. Oleh yang demikian, inovasi telah dibuat untuk Permainan Chator Asli Brunei melalui pembuatan aplikasi mudah, agar orang ramai dapat mengenali lebih dalam mengenai permainan ini," jelasnya.

Projek aplikasi tersebut merupakan inovasi daripada sekumpulan mahasiswa / mahasiswi yang telah membuat dan menyediakan satu aplikasi mudah yang diberi nama Chator Asli Brunei dengan berlatarbelakangkan konsep klasik, iaitu papan catur yang asli, buah catur yang diberikan dalam bahasa Melayu, beberapa jenis pergerakan yang ada di dalam Chator Asli Brunei seperti gerak kilat.

Di dalam aplikasi ini juga akan ada satu maklumat tambahan, iaitu mengenai sejarah Chator Asli Brunei yang pernah dimainkan oleh Sultan Bolkiah sendiri, iaitu Sultan Brunei Ke-5 dengan rakyatnya pada ketika itu.

Orang ramai khususnya para penuntut yang terlibat menghadiri bengkel berkenaan akan dapat memuat turun permainan berkenaan melalui App Store.

Projek tersebut diharap dapat memberikan pendedahan pada generasi baharu mengenai dengan permainan tradisi Chator Asli Brunei ini melalui bengkel yang diadakan selama dua hari, selain untuk memperkuatkan lagi pendedahan kepada generasi baharu dan proses pelaksanaan pembuatan aplikasi mudah yang akan diberi nama sebagai Chator.

Bengkel dikendalikan oleh empat mahasiswa / mahasiswi yang diketuai oleh Awang Muhammad Khairul Anwar bin Haji Kismis dan disertai oleh pegawai dan kakitangan Jabatan Muzium Brunei, Persatuan Catur Brunei, para pelajar dan guru-guru sekolah-sekolah nenengah dan tingkatan enam di bawah Kluster 2.



AWANG Muhammad Khairul Anwar bin Haji Kismis selaku Ketua Projek PB-4307 Akademi Pengajian Brunei semasa menyampaikan ucapan penghargaan.



ROMBONGAN Universitas Islam Malang (UNISMA), Indonesia yang diketuai oleh Rektor UNISMA, Indonesia, Prof. Dr. H. Maskuri, M.Si. dialu-alukan oleh Pemangku Ra'es, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Adanan bin Haji Basar (kanan).

# KUPU SB terima lawatan UNISMA

**Siaran Akhbar dan Foto :**
**Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 19 Mac. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) telah menerima lawatan daripada Universitas Islam Malang (UNISMA) Indonesia pada hari Sabtu, 17 Mac lalu.

Lawatan dan perjumpaan yang berlangsung di Bilik Taqwa, KUPU SB dihadiri seramai 16 orang dari UNISMA, Indonesia yang diketuai oleh Rektor UNISMA, Indonesia, Profesor Dr. H. Maskuri, M.Si.

Manakala dari pihak KUPU SB dihadiri oleh Pemangku Ra'es KUPU SB, Dr. Awang Haji Adanan bin Haji Basar; Pemangku Timbalan Ra'es selaku Dekan Fakulti Syariah KUPU SB, Datin Dr. Hajah Noor Hira binti Haji Noor Kaseh dan beberapa pegawai utama dari pihak KUPU SB.

# IAW Ke-8 diadakan hingga 24 Mac



DEKAN Pelajar Universiti Brunei Darussalam (UBD), Awang Saidai bin Haji Awang Hitam (dua, kiri) semasa menyaksikan pameran Minggu Aspirasi Islam 2018 (IAW 2018) Ke-8 anjuran Eksekutif Keugamaan dan Kerohanian, Majlis Perwakilan Pelajar 2017 / 2018, UBD.

**Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**TUNGKU LINK**, Isnin, 19 Mac. - Minggu Aspirasi Islam 2018 (IAW 2018) Ke-8 anjuran Eksekutif Keugamaan dan Kerohanian (EKK), Majlis Perwakilan Pelajar 2017 / 2018, Universiti Brunei Darussalam (UBD) bermula selama enam hari hingga 24 Mac, bertempat di Bangunan Tambahan Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPRSB), UBD.

Ia dirasmikan oleh Dekan Pelajar UBD, Awang Saidai bin Haji Awang Hitam.

Turut hadir ialah pegawai-pegawai dan kakitangan UBD, mahasiswa-mahasiswi UBD serta mereka yang terlibat di dalam menjayakan acara tersebut.

Tema pada tahun ini 'Way of Life' yang mengetengahkan tentang Islam sebagai agama yang menyeluruh dan merangkumi setiap aspek kehidupan.

Sebanyak empat kategori turut dipamerkan yang menumpukan pada 'The Essence', 'Para Gel Mal Bank (PGM)', 'Rope of Harmony (ROH)' dan 'Traveller's Nature'.

Acara tersebut dimanfaatkan dengan pelbagai aktiviti seperti Bicara Fesyen atau 'Fashion Talk', Bedah Buku, Kelas Memasak dan Majlis Maulidur Rasul.

Ia diadakan bukan hanya tertumpu kepada orang Islam sahaja, malahan untuk mengwujudkan hubungan harmoni di antara masyarakat dari pelbagai agama.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk membentuk dan membangun insan syumul dalam kalangan warga beragama Islam di universiti berkenaan, sekali gus menyumbang khidmat kepada masyarakat sebagai penyalur ilmu, malah acara seperti merupakan satu usaha bagi merealisasikan impian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Brunei sebuah Negara Zikir.

IAW Ke-8 itu dibukakan untuk orang ramai bermula dari jam 9.00 pagi hingga 4.30 petang.

# SMARTER Brunei terima sumbangan hasil kutipan filem Bodyman

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Azmah Haji Ahad





**PENGARAH filem Bodyman, Awang Serudin bin Awang Damit menyampaikan sumbangan derma kepada Presiden SMARTER Brunei, Malai Haji Abdullah bin Malai Haji Othman (kiri). Sementara gambar kanan, Awang Serudin berkesempatan melihat hasil filem-filem yang dihasilkan oleh anak-anak Autisme.**

**SUNGAI HANCHING**, Isnin, 19 Mac. - Pusat SMARTER Brunei, Kampung Sungai Hanching menerima sumbangan derma berjumlah BND593 hasil daripada kutipan filem Bodyman.

Hadir menyerahkan sumbangan tersebut ialah Pengarah Filem Bodyman, Awang Serudin bin Awang Damit kepada Presiden SMARTER Brunei, Malai Haji Abdullah bin Haji Malai Othman.

Terdahulu sebelum majlis penyerahan sumbangan tersebut, Pengarah Filem Bodyman dibawa meninjau sekeliling Pusat SMARTER berkenaan dan melihat secara lebih dekat lagi aktiviti yang dilakukan oleh penuntut pusat tersebut.

Pusat SMARTER mempunyai tiga buah pusat iaitu sebuah di Kuala Belait yang dibuka pada tahun 2004, sebuah pusat lagi di Kampung Mata-Mata dan sebuah di Kampung Sungai Hanching.

## Perkhidmatan pergigian kanak-kanak dibuka semasa cuti persekolahan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 19 Mac. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa Perkhidmatan Pergigian, Kementerian Kesihatan akan membuka Perkhidmatan Pergigian Bagi Pesakit Kanak-Kanak semasa cuti persekolahan Penggal I, 2018 pada 17 Mac hingga 1 April 2018 (kecuali Jumaat dan Ahad serta hari Kelepasan Awam) bertempat di Tingkat 1, Blok A, Pusat Pergigian Negara, Lapangan Terbang Lama, Berakas bermula jam 7.45 pagi hingga 11.00 pagi dan1.30 petang hingga 3.15 petang.

Untuk makluman juga, Pendaftaran ditutup pada pukul 11.00 pagi dan 3.15 petang untuk membolehkan Perawat memberi rawatan pergigian kepada pesakit yang masih menunggu untuk dipanggil menerima rawatan, mengemaskini catitan rekod rawatan kedalam sistem Bru-HIMS serta pensterilan kerusi pergigian dan alat perkakas pergigian.

Bagi pesakit kanak-kanak yang memerlukan rawatan lanjut, mereka dinasihatkan untuk menyambung atau meneruskan rawatan di Klinik-Klinik Pergigian mengikut tadahan yang telah ditetapkan. Untuk maklumat lanjut, hubungi Talian Darussalam di 123.

**Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan**

Pelita Brunei

# MINDA PEMBACA

## Bersiap siaga hadapi bencana alam

**BENCANA** alam adalah salah satu dugaan yang datang daripada Allah Subhanahu Wata'ala bagi menduga iman dan kesabaran hamba-Nya. Bencana alam juga adalah sebagai peringatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala ke atas hamba-Nya kerana lalai dalam mensyukuri nikmat yang telah dikurniakan.

Oleh kerana bencana alam datang tanpa diduga, maka kita mestilah bersiap siaga menempuhi bencana alam jika ia menimpa ke atas kita. Alhamdulillah, negara kita telah pun mengorak langkah ke hadapan dalam menempuhi situasi-situasi seperti ini iaitu dengan menubuhkan satu jawatankuasa yang dinamakan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan. Dengan tertubuhnya pusat ini, segala urus tadbir berkenaan dengan kebajikan penduduk yang terjejas dapat dikendalikan dengan lancar dan berkesan.

Manakala kita sebagai rakyat pula seharusnya mengambil langkah dan inisiatif dalam menyiapkan diri menghadapi bencana alam dengan mengambil maklum saranan dan tunjuk ajar yang telah dibarigakan oleh pihak kerajaan. Maka dengan usaha seperti ini, pengurusan bencana di negara kita akan lebih teratur dan bersistematik. Langkah seterusnya yang akan menyumbang keberkesanan pengurusan bencana alam adalah dengan menanamkan sifat sabar dan reda di atas ketentuan Ilahi. Insyaallah, dengan tertanamnya sifat ini ke dalam jiwa kita, maka akan melancarkan lagi pengurusan bencana di negara kita dan seterusnya pihak kerajaan akan lebih tenang dalam mencari penyelesaian kepada masalah yang ditempuhi oleh penduduk yang terjejas.

Akhirnya, marilah kita sama-sama mensyukuri atas segala nikmat yang telah dikurniakan ke atas kita dan negara kita dengan melakukan segala perintah Allah Subhanahu Wata'ala dan menjauhi segala larangan-Nya. Semoga negara kita akan sentiasa di bawah lindungan Allah Subhanahu Wata'ala kerana kita sentiasa mengingati-Nya di setiap tindak-tanduk yang dilakukan.

**Nama : Dayang Taiyibah binti Haji Awang Zailani**
**No. K/P : 01-086276 (K)**

**Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :**

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. **'Belia Berperanan Realisasikan Negara Maju'.** Tarikh Tutup : **21 Mac 2018**
2. **'Makanan Ringan Bahayakan Kesihatan Kanak-Kanak'.** Tarikh Tutup : **28 Mac 2018**
3. **'Pupuk Kesedaran Kepentingan Pengurusan Kewangan'.** TarikhTutup : **4 April 2018**

**Terma dan Syarat :**

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan **15 hingga 25 tahun,** yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**Sidang Pengarang, Minda Pembaca**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
**E-mel :** ***pelita.brunei@information.gov.bn***

*Menangi* **BND75** *Setiap Minggu*

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**

# Islam :Teras pembangunan di Brunei Darussalam

SIRI I



MEKAH ataupun nama penuhnya Mekah Al-Mukarramah ialah kota paling suci bagi umat Islam.

Oleh : Pg. Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pg. Haji Abd. Rahman dengan kerjasama Meja Kandungan Khas, Pelita Brunei

**1. PENDAHULUAN**

TULISAN ini bertujuan untuk melihat secara lebih dekat sejauh mana Islam menjadi teras kepada pembangunan di Brunei Daussalam. Istilah pembangunan di sini mencakupi pembangunan rohani dan jasmani, juga melihat sejauh mana tahap pembangunan itu, permasalahannya dan potensi Brunei menjadi sebuah negara Islam moden yang menghayati ajaran Islam.

Bercakap mengenai Islam sebagai teras pembangunan tentulah kita akan perlu menyingkap serba sedikit sejarah penerimaan Islam di Brunei, corak pemerintahan Brunei, kedudukan Islam di dalam perlembagaan, dalam pentadbiran, dalam pendidikan, dalam institusi keagamaan dan lain-lain yang relevan.

**2. KEMASUKAN ISLAM**

Brunei dijangka telah menerima Islam secara meluas dalam Kurun Ke-14 Masihi iaitu dengan pengislaman Raja Brunei yang bergelar Sultan Muhammad Shah yang diikuti oleh pembesar dan rakyat jelata. Tidak dapat dipastikan tarikh sebenar Raja Brunei memeluk Islam tetapi berdasarkan catatan sejarah China, bahawa pada tahun 1371 Masihi didapati Brunei sudah mempunyai raja Islam yang bernama 'Ma-ha-mo-sha' atau 'Muhammad Shah'. Pendakwah yang berjaya mengislamkan Raja Brunei dan rakyatnya adalah dipercayai seorang Arab berketurunan cucu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menerusi Sayidina Hasan ibni Sayidina Ali, ibunya Sayidatuna Fatimah al-Zahra puteri Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Pendakwah tersebut bernama 'Sharif Ali' yang akhirnya dilantik menjadi Sultan Brunei Ke-3. Penulis berpendapat demikian kerana sebelum itu tiada pun mana-mana Raja Brunei yang tertarik kepada Islam. Ini menunjukkan Sharif Ali mempunyai suatu kelebihan dalam berdakwah. Baginda tentunya seorang yang berkarisma. Ini tidak menghairankan kerana menurut satu kajian baginda pernah menjadi 'Amir' (penguasa) di Mekah Al-Mukarramah sebelum berhijrah meninggalkan tanah suci itu disebabkan pertikaian keluarga diraja Mekah. Dalam hal ini, cuma urutan tahun ketibaannya di Brunei memerlukan kajian lanjut.

Pembangunan yang diutamakan dan didahulukan oleh raja ini ialah membina masjid. Ini seolah-olah mengambil teladan dari sirah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang membina Masjid Quba apabila sampai ke Yathrib (Madinah Al-Munawwarah) dalam peristiwa hijrah Baginda itu. Dalam sepanjang pemerintahan kesultanan Brunei dari dahulu hingga sekarang adalah menjadi tradisi bahawa masjid menjadi inti pembangunan. Sejak kemasukan Islam ke Brunei, agama tersebut menjadi dominan. Ajarannya dihayati. Sistem pentadbiran Brunei dalam Abad Ke-15 dan 16 antaranya adalah berpandukan kepada 'Hukum Kanun Brunei' yang mengandungi banyak unsur-unsur Islam.

**3. TIGA MEKANISME UTAMA**

Keterangan ini menunjukkan bahawa Islam telah bertapak dengan kuatnya di Brunei dalam zaman tradisional itu. Tetapi kedatangan British ke Brunei mulai akhir Abad Ke-19 Masihi yang mencampuri urusan hal ehwal dalam negeri di Brunei telah menjejaskan perkembangan Islam. Namun dengan kebijaksanaan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien yang menaiki takhta kerajaan pada tahun 1950, perkara tersebut telah dapat ditangani dengan baik. Kedudukan Islam telah dapat dikembalikan sebagai mana asalnya, malahan lebih bermartabat lagi sesuai dengan kehendak ajaran Islam dan peredaran zaman.

Islam menjadi teras pembangunan terserlah dalam tiga faktor utama berikut :

**3.1. Perlembagaan Brunei**

Pembangunan berteraskan Islam sudah tentu tidak akan berjaya diimplementasikan jika tidak disokong oleh sumber tertinggi perundangan negara. Sumber tertinggi itu ialah Perlembagaan Negara 1959. Di sini dapat dilihat pandangan jauh dan kegigihan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien yang berusaha melahirkan Perlembagaan Negeri Brunei 1959 di mana dalam Perlembagaan tersebut Islam telah diberi kedudukan yang istimewa yang mencatatkan bahawa;

**"Agama rasmi bagi negeri ialah agama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah. Tetapi agama-agama yang lain boleh diamalkan dengan aman dan sempurna oleh mereka yang mengamalkannya."**

Peruntukan ini dengan tegas menjelaskan kerasmian agama Islam bagi Brunei. Bilamana ia bertaraf rasmi maknanya semua jentera kerajaan dan bukan kerajaan dan semua lapisan masyarakat hendaklah berusaha ke arah mendukung kerasmian agama tersebut. Agama Islam bertaraf rasmi itu pula bersifat khusus iaitu menurut aliran Ahli Sunnah Waljamaah. Malah dalam bahagian lain dari perlembagaan itu juga ada menyatakan bahawa rujukan utama dalam lingkungan Ahli Sunnah Waljamaah itu yang berhubung kait dengan hukum-hukum fiqah ialah Mazhab Syafii sementara pendapat-pendapat dari mazhab-mazhab lain seperti Mazhab Hanafi, Maliki dan Hambali juga boleh dirujuk jika perlu.

Peruntukan di atas mengenai agama nampak menarik yang memperlihatkan keterbukaan Brunei untuk membenarkan penganut lain-lain agama bagi diamalkan dengan aman dan sempurna. Ini menunjukkan Brunei tidak menghalang agama-agama lain dipraktikkan oleh penganut-penganutnya, tetapi dengan kefahaman bukan untuk dikembangkan kerana yang berhak dikembangkan hanyalah agama Islam yang menjadi agama rasmi negara sesuai dengan pendirian Islam yang dinyatakan di dalam Al-Quran Al-Karim :

**Maksudnya :** *"Sesungguhnya agama yang (benar dan diredhai) di sisi Allah ialah Islam."* (Surah Ali 'Imran, ayat 19)

Firman Allah Ta'ala lagi :

**Maksudnya :** *"Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam maka sekali-kali tidak akan diterima (agama itu) daripadanya, dan dia di akhirat termasuk orang-orang yang rugi."* (Surah Ali 'Imran, ayat 85)

Peruntukan mengenai kerasmian agama Islam di atas sebagai dasar panduan negara telah menyelamatkan masyarakat Islam di Brunei dari wujudnya pelbagai fahaman keagamaan. Malah telah dapat menghalang daripada tumbuhnya penyelewengan akidah Islam dalam kalangan masyarakat Islam. Mana-mana ajaran sesat dan menyeleweng yang cuba disebarkan oleh individu-individu tertentu telah dapat dibanteras. Jelasnya, seluruh jentera negara di Brunei berjalan di atas landasan Islam mengikut aliran Ahli Sunnah Waljamaah dan Mazhab Syafii.

Perlembagaan Negeri Brunei 1959 juga mensyaratkan bahawa para pemegang teraju kepimpinan seperti Raja, Menteri Besar, Timbalan Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan hendaklah beragama Islam mengikut Ahli Sunnah Waljamaah. Hal ini telah menjamin kemantapan dan kelangsungan perkembangan agama Islam di Brunei, sekali gus ajaran Islam diambil kira dalam proses pengurusan pembangunan negara.

# Dua pelumba kebangsaan sertai ACC Ke-38




PENGURUS Pasukan, Awang Haji Abd. Wahab bin Dato Derma Wijaya Haji Yusof (tengah) semasa bergambar ramai bersama pelumba kebangsaan, jurulatih dan mekanik.

**Berita dan Foto :**
**Ihsan Persatuan Lumba Basikal Negara Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 19 Mac. - Dua pelumba kebangsaan baru-baru ini menyertai Kejohanan Berbasikal Trek Asia (ACC) Asian Track Championships 2018 Ke-38 yang berlangsung di Nilai Velodrom Nasional, Malaysia.

Pada kejohanan tersebut, pelumba Negara, Muhd. I'maadi bin Abd. Aziz menyertai dalam acara Scratch / Point Race, manakala Ahmad Rifa'ie bin Haji Johor mengikuti acara Omnium (Scratch, Tempo, Elimination dan Point Race).

Menurut Pengurus Pasukan, Awang Haji Abd. Wahab bin Dato Derma Wijaya Haji Yusof, ia merupakan penampilan pertama negara dalam kejohanan, di mana persiapan bagi mengikuti kejohanan tersebut sememangnya tidak mencukupi bagi pelumba negara kerana mereka hanya sempat berlatih satu bulan sahaja di bawah jurulatih tempatan, Awang Hamdani bin Haji Besar.

Pelumba negara jelasnya, turut bersaing dengan peserta-peserta negara ASEAN yang lain termasuk yang bertaraf dunia seperti dari negara China, Jepun, Korea, Iran dan Kazakhstan yang mempunyai pelumpa yang pernah mengikuti kejohanan dunia dalam acara yang sama.

Walau bagaimanapun jelasnya, melalui penyertaan tersebut akan memberi laluan bagi pelumba-pelumba negara untuk lebih maju ke hadapan dengan sokongan penuh oleh Persatuan Lumba Basikal Negara Brunei Darussalam juga sokongan dari Jabatan Belia dan Sukan.




AHMAD Rifa'ie bin Haji Johor menyertai acara Omnium (Scratch, Tempo, Elimination dan Point Race).

# Lapan syarikat, seorang warga asing dikenakan denda kompaun




JABATAN Daerah Brunei dan Muara (JDBM) melalui Bahagian Perlesenan dan Penguatkuasaan semasa memindahkan salah sebuah kenderaan terbiar.

**Siaran Akhbar dan Foto :**
**Jabatan Daerah Brunei dan Muara**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 20 Mac. - Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) melalui Bahagian Perlesenan dan Penguatkuasaan telah mengeluarkan sebanyak sembilan denda kompaun di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil (Penggal 30) ke atas lapan buah syarikat dan seorang individu kerana telah melakukan kesalahan membuang sampah di tempat yang tidak dikhaskan dan tidak teratur.

Sebanyak dua buah syarikat, iaitu Syarikat Dayang Damit binti O.K.I.N Awang Jaraie dan Syarikat Pooman Enterprise, masing-masing telah dikenakan denda kompaun sebanyak BND500.00.

Sementara itu, Hamras Company, Martini Melati Enterprise, Syarikat Bersama, Syarikat Metutia, Syarikat F.A Brother Trading Company & Syarikat M.Sherwani Sdn. Bhd., masing-masing dikenakan denda kompaun sebanyak BND200.00.

Manakala seorang individu warga asing bernama Rhena Begum telah dikenakan denda kompaun sebanyak BND100.00.

Syarikat dan individu tersebut telah diberikan tempoh selama 7 hari untuk membayar denda kompaun dan melaksanakan kerja pembersihan di kawasan berkenaan dan jika tidak, tindakan undang-undang akan diambil.

Dalam operasi bersepadu yang berasingan bersama-sama dengan Syarikat M.Han Enterprise dan Syarikat Dayang Damit & Anak-Anak juga telah berjaya memindahkan sebanyak 11 buah kenderaan yang terbiar diletakkan di kawasan letak kereta Kampung Bengkurong dan Kampung Sengkurong.

Sebanyak 11 buah kenderaan tersebut telah dipindahkan ke tempat penempatan kenderaan-kenderaan terbiar di Kampung Sinaut, Daerah Tutong. Kenderaan-kenderaan berkenaan iaitu SEAT - Tiada plat pendaftaran, Nissan – BAE 2455, Toyota Super Kijang – KE 9940, Nissan Sunny – BR 6381, Suzuki Liana – BY 9718, JAGUAR XJ6 – KP 5305, Audi 80 – BE 2434, Suzuki Grand Vitara – KM 6772, Sebuah rangka – BP 4714, Sebuah rangka – AB44S-115827 dan Mitsubishi Magna – BR 9639.

Sehubungan dengan itu, jabatan ini memaklumkan kepada orang ramai agar sentiasa memberikan kerjasama bagi menangani isu kebersihan di negara ini, dan juga supaya tidak akan meninggalkan dan meletakkan kenderaan-kenderaan terbiar di tempat awam, premis-premis perniagaan dan kawasan-kawasan bengkel dalam sama-sama menjaga kebersihan kawasan persekitaran awam dari segala kotoran dan pencemaran.

JDBM akan sentiasa memantau dan mengambiltindakan kepada mereka-mereka yang gagal mematuhi peraturan-peraturan dan undang-undang Negara Brunei Darussalam.

# Mangsa hilang di perairan Pulau Muara Besar

**Siaran Akhbar dan Foto :**
**Pasukan Polis Diraja Brunei**

**MUARA,** Selasa 20 Mac. - Polis Marin, Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) telah menerima panggilan kecemasan melalui talian 993 bagi memaklumkan mengenai kejadian sebuah perahu yang terbalik di kawasan perairan Pulau Muara Besar dan mendapati tiada orang di dalamnya.

Siasatan awal dijalankan dan mendapati telah berlaku kejadian pelanggaran melibatkan dua (2) buah perahu.

Penolong Penyiasat Polis Marin hadir di lokasi kejadian dan mendapati seorang mangsa berada di tempat kejadian, dan tidak mendapati sebarang kecederaan, manakala seorang lagi mangsa tidak dapat dikesan dan belum ditemui.

Hasil siasatan pihak Polis, mangsa yang hilang ialah Muhammad bin Haji Zakaria, 33 tahun merupakan warga tempatan dan bertugas di Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Kedua-dua buah perahu yang terlibat ditunda ke Polis Marin untuk siasatan lanjut.

Unit Operasi Khas, Polis Marin, Pasukan PDB serta Jabatan Bomba dan Penyelamat berada di tempat kejadian bagi menjalankan operasi pencarian untuk mengesan mangsa yang belum ditemui.



SALAH sebuah perahu yang terlibat dalam pelanggaran di kawasan perairan Pulau Muara Besar telah ditunda ke Polis Marin untuk siasatan lanjut.

# Sukan

## INFO SUKAN

SERAMAI 14 pelajar dari Sekolah Sukan terpilih dalam program pembangunan bola sepak yang disusun oleh Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD). Melalui program itu nanti akan menghasilkan lebih ramai pemain-pemain bola sepak yang dilatih dengan teratur, berbakat serta berpengetahuan dan berpotensi menjadi pemain kebangsaan yang berkualiti pada masa akan datang.

ePaper Pelita Brunei

# Kejohanan HBT 2018 bermula 23 April - 7 Mei 2018



PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Haji Amer Hamzah bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Awang Haji Zakaria (dua, kanan), selaku Penolong Pengerusi Bersama Kejohanan Bola Sepak Piala Hassanal Bolkiah (HBT) bagi Belia ASEAN 2018 semasa Sidang Media di Bilik Mesyuarat At-Taufik, Bangunan KKBS.

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 20 Mac. - Kejohanan Bola Sepak Piala Hassanal Bolkiah (HBT) bagi Belia ASEAN 2018 akan bermula pada 23 April hingga 7 Mei depan yang disertai oleh tujuh buah negara iaitu Kemboja, Laos, Myanmar, Singapura, Thailand, Timor Leste dan Negara Brunei Darussalam selaku tuan rumah.

Stadium Negara Hassanal Bolkiah dan Padang dan Balapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah akan menjadi venue kejohanan anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD) itu.

Pemangku Setiausaha Tetap KKBS, Awang Haji Amer Hamzah bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Awang Haji Zakaria selaku Penolong Pengerusi Bersama Kejohanan mengumumkan perkara tersebut pada Sidang Media Kejohanan Bola Sepak HBT bagi Belia ASEAN 2018 bertempat di Bilik Mesyuarat At-Taufik, Bangunan KKBS, di sini.

Sementara itu, Majlis Pembukaan Rasmi Kejohanan berprestij itu akan diadakan pada Isnin, 23 April 2018 bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Negara Brunei Darussalam telah menjuarai Kejohanan Bola Sepak Piala Hassanal Bolkiah Bagi Belia ASEAN pada tahun 2012 manakala pada tahun 2014, kejohanan itu telah dijuarai oleh negara Myanmar.

Kejohanan tersebut jelas Pemangku Setiausaha Tetap KKBS bertujuan untuk mendukung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk melibatkan pasukan terbaik di rantau ASEAN untuk bersaing dalam liga bola sepak ASEAN atau Asia Tenggara di samping memberikan pendedahan dan kebolehan kesukanan ASEAN kepada dunia.

Ia juga untuk memberi peluang bagi pemain muda untuk bersaing di luar negara, membentuk rangkaian atau *networking* dalam kalangan para peserta dan seterusnya mewujudkan pemahaman budaya yang berbeza dalam masyarakat ASEAN.

Selain itu, beberapa acara akan dijalankan menjelang Kejohanan berkenaan termasuklah Majlis Pengundian Kejohanan pada 21 Mac 2018 ini; Sponsorship Pledging Ceremony pada 27 Mac 2018 dan Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Kejohanan Bola Sepak HBT bagi Belia ASEAN 2018 pada 28 Mac 2018.

# Peserta negara raih tempat ketiga Kategori WAU

**Berita dan Foto : Ihsan Faridah Ibrahim**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 19 Mac. - Seramai 10 ahli Persatuan Kikik Brunei (PEKIKIK) baru-baru ini menyertai Festival Layang-Layang Sedunia Ke-23 yang berlangsung di Bukit Layang-Layang, Johor, Malaysia.

Peserta PEKIKIK Brunei yang diketuai oleh Presidennya, Haji Maidin bin Haji Ahmad berjaya meraih tempat ketiga dalam Kategori WAU untuk peserta-peserta belia ASEAN, di mana peserta negara menyertai dalam lima acara pertandingan.

Festival Layang-Layang Sedunia tersebut dirasmikan oleh Puteri Tunku Tun Aminah Maimunah Iskandariah Sultan Ibrahim.

Festival lima hari yang bermula pada 28 Februari hingga 4 Mac itu disertai oleh 45 negara seluruh dunia termasuk Brunei Darusalam, China, Indonesia, England, Rusia, Turki, Australia, Austria dan Poland.

Festival itu menjadi antara acara untuk menggalakkan pelancongan anjuran Kerajaan Negeri Johor menerusi Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) dengan kerjasama Tourism Johor, Majlis Pelayang Malaysia dan Persatuan Pelayang Johor.



PERSATUAN Kikik Brunei (PEKIKIK) meraih tempat ketiga dalam Kategori WAU pada Festival Layang-Layang Sedunia Ke-23 yang berlangsung di Bukit Layang-Layang, Johor, Malaysia.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

**BERIKAN SEMANGAT JUANG TINGGI, TUNJUKKAN PRESTASI TERBAIK**

دنربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله جابتن ڤرچيتقن كراجاٴن، نڬارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.